RSPO | Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari

# STANDARD PEKEBUN KECIL BEBAS RSPO

## Untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari

## 2019

Disahkan oleh Lembaga Pentadbir RSPO dan diluluskan oleh Ahli-Ahli RSPO di Perhimpunan Agung Tahunan Ke-16 pada 6 November, 2019



# ISI


**SENARAI AKRONIM** m.s. 2

**PENGENALAN** m.s. 3

**01 Skop: Memahami siapa, apa dan bagaimana berkenaan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO** m.s. 7

- **1.1 Siapa yang boleh menggunakan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO untuk memperolehi Pensijilan RSPO** 8
- **1.2 Untuk apa Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO boleh digunakan** 9
- **1.3 Bagaimana untuk memperolehi pensijilan di bawah Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO** 11
- **1.4 Standard manakah yang harus digunakan jika Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO tidak dapat digunakan?** 12

**02 Pendekatan Berperingkat RSPO untuk Pensijilan Pekebun Kecil Bebas** m.s. 13

- **2.1 Pensijilan, Tuntutan dan Faedah** 16
  - 2.1.1 Kelayakan – peringkat kemasukan 18
  - 2.1.2 Milestone A – penambahbaikan berterusan dan kemajuan 18
  - 2.1.3 Milestone B – penambahbaikan berterusan dan pematuhan penuh 18

**03 Keperluan-Keperluan Normatif Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO** m.s. 19

- **3.1 Prinsip, Kriteria dan Indikator** 20
  - 3.1.1. Panduan lanjut untuk mentafsirkan Prinsip, Kriteria dan Indikator 23
  - 3.1.2 Deklarasi Pekebun Kecil 23
  - 3.1.3 Melangkau indikator yang tidak berkaitan 24
  - 3.1.4 Sokongan untuk pekebun kecil 24
  - 3.1.5 Inklusiviti jantina 26
  - 3.1.6 Pertimbangan tambahan 26
- **3.2 Keperluan- keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk Kumpulan- kumpulan Pekebun Kecil** 48
  - 3.2.1 Sokongan bagi pengurus kumpulan untuk membentuk kumpulan 49

**04 Panduan untuk pengurus kumpulan dan ahli kumpulan** m.s. 55

- **4.1 Panduan** 56

**Lampiran 1** – Definisi m.s. 116

**Lampiran 2** – Deklarasi Pekebun Kecil m.s. 125

# SENARAI AKRONIM

| AKRONIM | MAKNA |
|---|---|
| **RSPO** | Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari |
| **P&C** | Prinsip dan Kriteria |
| **CSPO** | Minyak Sawit Lestari yang Diperakui |
| **ToC** | Teori Perubahan |
| **FFB** | Tandan Buah Segar |
| **ISH** | Pekebun Kecil Bebas |
| **MB** | Terkumpul |
| **IP** | Identiti Terpelihara |
| **SG** | Terpisah |
| **HCV** | Nilai Konservasi Tinggi |
| **FPIC** | Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Berpengetahuan |
| **GAP** | Amalan Pertanian yang Baik |
| **PPE** | Peralatan Perlindungan Peribadi |
| **PCI** | Prinsip, Kriteria dan Indikator |
| **HCS** | Stok Karbon Tinggi |
| **RaCP** | Prosedur Pemulihan dan Pampasan |
| **RTE** | Jarang ditemui, Terancam dan Hampir Pupus |
| **LUCA** | Analisis Perubahan Guna Tanah |
| **ICS** | Sistem Kawalan Dalaman |
| **IPM** | Pengurusan Perosak Bersepadu |

# PENGENALAN

Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO dibangunkan sebagai gerak balas kepada peningkatan pengiktirafan oleh pihak berkepentingan untuk keperluan meningkatkan kemasukan pekebun kecil ke dalam sistem RSPO melalui mekanisme yang mengambil kira kepelbagaian cabaran dan situasi yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil di seluruh dunia, bersama-sama keperluan serta kebimbangan mereka yang berbeza-beza.

RSPO sentiasa mengiktiraf kepentingan pekebun kecil dan keperluan untuk meningkatkan kemasukan mereka. Strategi Pekebun Kecil RSPO, yang disahkan oleh Lembaga Pentadbir RSPO (BoG) pada 14 Jun 2017, mewajibkan pemudahan sistem pensijilan dan standard (Prinsip, Kriteria dan Indikator) RSPO untuk lebih memenuhi keperluan dan konteks pekebun-pekebun kecil. Dalam tahun 2018, Teori Perubahan RSPO (ToC) mengenal pasti matlamat untuk memasukkan lebih ramai pekebun kecil ke dalam sistem supaya mereka menghasilkan minyak sawit secara mampan di samping memperolehi punca pendapatan yang berterusan.

Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO (Standard ISH RSPO) bergerak balas kepada keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran pekebun kecil bebas dengan keperluan-keperluan yang jelas dan mudah serta peralatan keberkesanan kos yang mengambil kira kepelbagaian, keupayaan dan insentif. Sebagai sebahagian daripada proses pemudahan, Standard ISH RSPO meletakkan tanggungjawab yang lebih besar ke atas pengurus kumpulan, berbanding dengan sistem pensijilan kumpulan yang dahulu.

Standard ini melengkapi Prinsip dan Kriteria untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari 2018 RSPO (P&C 2018). Standard ISH RSPO diatur kepada tiga bidang impak dengan menggunakan ToC RSPO sebagai rangka kerja.










| Bidang Impak ToC | Standard ISH |
|---|---|
| **KEMAKMURAN**<br>Sektor berdaya saing, berdaya tahan dan mampan | Prinsip 1:<br>**Mengoptimumkan daya pengeluaran, kecekapan, impak positif dan daya** |
| **KEMANUSIAAN**<br>Kelestarian punca pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Hak asasi manusia dilindungi, dihormati dan diperbaiki | Prinsip 2:<br>**Memastikan kesahan, hak tanah dihormati dan kesejahteraan masyarakat**<br>Prinsip 3:<br>**Menghormati hak dan syarat pekerja** |
| **PLANET**<br>Ekosistem yang dipulihara, dilindungi dan diperbaiki yang membekali generasi seterusnya | Prinsip 4:<br>**Melindungi, memulihara dan memperbaiki ekosistem dan alam** |



Standard ISH RSPO merupakan sebahagian daripada sistem RSPO yang lebih luas. Bagi menyokong pekebun kecil bebas ke arah kelestarian dan penambahbaikan punca pendapatan, RSPO juga menyediakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan latihan yang khusus buat pekebun kecil, termasuk Akademi Pelatih Pekebun Kecil RSPO (STA). Di samping itu, RSPO juga menawarkan pekebun kecil akses kepada dana sokongan melalui Dana Sokongan Pekebun Kecil RSPO (RSSF).




**Gambar rajah 1:** Dokumen-dokumen berkaitan untuk Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO

Dokumen ini merangkumi Standard ISH RSPO itu sendiri, serta keperluan-keperluan normatif standard seperti yang diterangkan di dalam Prinsip, Kriteria dan Indikator. Ia juga memberikan panduan untuk pengurus kumpulan dan pekebun kecil individu melaksanakan kriteria dan indikator-indikator tersebut.

Dokumen ini disusun seperti berikut:

| Bahagian | Kandungan | Pengguna |
|---|---|---|
| Bahagian 1 | Skop: Memahami siapa, apa dan bagaimana berkenaan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO | Semua pengguna Standard:<br>• Pengurus kumpulan<br>• Pekebun kecil bebas<br>• NGO dan penyedia bantuan teknikal<br>• Pembeli kredit pekebun kecil bebas<br>• Badan-badan Pensijilan<br>• Pedagang, pembeli dan penanam kelapa sawit yang besar |
| Bahagian 2 | Pendekatan berperingkat RSPO untuk pensijilan pekebun kecil bebas | Semua pengguna Standard |
| Bahagian 3 | Dokumen-dokumen Normatif:<br>a. Prinsip, Kriteria dan Indikator Standard Pekebun Kecil Bebas<br>b. Keperluan-keperluan Sistem untuk Pembentukan dan Pengurusan Kumpulan | a. Pengurus kumpulan dan pekebun kecil bebas; penyedia bantuan teknikal<br>b. Pengurus kumpulan |
| Bahagian 4 | Panduan untuk pengurus kumpulan dan ahli kumpulan individu | Pengurus kumpulan dan pekebun kecil bebas, penyedia bantuan teknikal |
| Lampiran 1 | Definisi | Semua pengguna Standard |
| Lampiran 2 | Deklarasi Pekebun Kecil | Pengurus kumpulan dan ahli kumpulan pekebun kecil bebas |



# 01

# SKOP: MEMAHAMI SIAPA, APA DAN BAGAIMANA BERKENAAN STANDARD PEKEBUN KECIL BEBAS RSPO

Bahagian ini tentang skop menerangkan siapa yang boleh menggunakan standard dan sistem ini, siapa yang boleh menggunakan standard ini untuk memperolehi pensijilan, serta bagaimana ia digunakan

## 1.1 Siapa yang boleh menggunakan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO untuk memperolehi Pensijilan RSPO

Standard ISH RSPO ini hanya boleh digunakan oleh pekebun kecil yang layak digelar pekebun kecil bebas dan boleh digunakan untuk pengeluaran minyak sawit mampan di seluruh dunia. Pekebun-pekebun kecil boleh terdiri daripada lelaki atau wanita.

**Pekebun kecil boleh memperolehi pensijilan melalui Standard ISH RSPO jika:**

- Mereka BUKAN pekebun kecil skim (lihat definisi Lampiran 1).
- Saiz keseluruhan kawasan tanaman kelapa sawit mereka ialah
  - Kurang daripada atau bersamaan 50 hektar (ha) jika tiada ambang yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional; ATAU
  - Kurang daripada atau bersamaan saiz maksimum yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional (contohnya bagi negara Indonesia ini bermakna saiz ambang ialah 25 hektar ke bawah dan bagi negara Ecuador 75 hektar ke bawah).
- Mereka mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan berkenaan pengurusan ladang dan amalan pengeluaran.
- Mereka mempunyai kebebasan untuk menentukan bagaimana ladang tersebut digunakan, jenis tanaman yang ditanam dan bagaimana untuk menguruskannya (dan cara mereka mengatur, mengurus dan membiayai ladang tersebut).
- Mereka memenuhi kesemua kriteria selanjutnya yang berkaitan dengan keterterapan standard ini seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional negara mereka.

## 1.2 Untuk apa Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO boleh digunakan

Standard ISH RSPO membabitkan jumlah keseluruhan plot-plot yang dimiliki oleh seorang pekebun kecil yang digunakan untuk penanaman kelapa sawit, asalkan jumlah kawasan milik pekebun kecil tersebut tidak melebihi saiz ambang (50 hektar atau seperti yang ditetapkan dalam Interpretasi Nasional).

**Standard ISH RSPO boleh digunakan untuk:**

- Plot-plot sedia ada yang digunakan untuk penanaman kelapa sawit; DAN
- Plot-plot yang diperuntukkan untuk penanaman semula atau penanaman baharu kelapa sawit; DAN
- Plot-plot yang boleh digunakan untuk penanaman baharu kelapa sawit.

**Bagaimana untuk menentukan jumlah saiz kawasan pengeluaran kelapa sawit?**

Jumlah saiz kawasan pengeluaran kelapa sawit ditentukan dengan mengumpulkan kesemua plot-plot yang dimiliki oleh pekebun kecil, tidak kira di mana lokasinya.

Ini termasuk plot sedia ada dengan penanaman kelapa sawit dan juga kawasan-kawasan yang tersedia untuk penanaman semula, atau kawasan yang diperuntukkan untuk penanaman baharu kelapa sawit, yang **dimiliki oleh seorang pekebun kecil individu di dalam atau di luar unit pensijilan** (contohnya kumpulan yang dianggotai oleh pekebun kecil berkenaan).

Ini bermakna jika seseorang pekebun kecil memiliki dan mengendalikan plot-plot kelapa sawit di luar kumpulan (unit pensijilan) yang diperakui, walaupun plot ini berada di dalam kampung atau wilayah yang lain, ia juga dikira sebagai sebahagian daripada

# 01 SKOP: MEMAHAMI SIAPA, APA DAN BAGAIMANA TENTANG STANDARD PEKEBUN KECIL BEBAS RSPO



## 1.3 Bagaimana untuk memperolehi pensijilan di bawah Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO

Unit Pensijilan bagi Standard ISH RSPO ialah pengurus kumpulan dan semua ahli individu kumpulan. Pemegang sijil ialah kumpulan berkenaan.



**Pekebun Kecil Bebas:**

- Mestilah merupakan ahli sebuah kumpulan pekebun kecil bebas yang mengejar pensijilan
- Boleh menubuhkan kumpulan baharu atau menyertai kumpulan sedia ada
- Perlu menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil sebagai tanda mereka komited untuk mencapai pematuhan penuh dengan semua keperluan Standard ISH RSPO (lihat Lampiran 2)

**Kumpulan:**

- Mestilah merupakan sebahagian daripada, atau diuruskan oleh, sebuah entiti yang didaftarkan secara rasmi atau dibentuk secara sah, seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang negara di mana kumpulan tersebut berada.
- Hendaklah melantik seorang pengurus kumpulan yang memenuhi semua keperluan seperti yang dinyatakan di bawah Prinsip 1
- Boleh terdiri daripada ahli-ahli yang berada di peringkat yang berlainan dalam proses pensijilan (contohnya ahli-ahli yang sedang berusaha ke arah pematuhan dengan peringkat Kelayakan, Milestone A dan Milestone B). Ahli-ahli boleh menyertai kumpulan pada peringkat-peringkat dan waktu-waktu yang berbeza, dan ahli-ahli kumpulan boleh terus berkembang

**Apakah itu kumpulan? Tidak semua kumpulan itu serupa:**

- ✔ Pengurus kumpulan boleh terdiri daripada wakil kilang, organisasi atau individu
- ✔ Kumpulan berkenaan boleh didaftarkan secara sah sebagai individu atau organisasi
- ✔ Kumpulan berkenaan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli. Tiada jumlah maksimum yang ditetapkan
- ✔ Tiada had bagi jumlah keseluruhan hektar yang membentuk sebahagian daripada kumpulan berkenaan. Had hanya dikenakan pada setiap ahli individu (sila rujuk kepada petak di Bahagian 1.2)

Lihat juga Bahagian 3.2 untuk panduan selanjutnya bagi pengurus kumpulan dan keperluan-keperluan pengurusan.

## 1.4 Standard manakah yang harus digunakan jika Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO tidak dapat digunakan?

Jika Standard ISH RSPO tidak dapat digunakan disebabkan keperluan-keperluan pensijilan pekebun kecil bebas atau kumpulan tidak dapat dipenuhi, pengesahan di bawah sistem pensijilan RSPO masih boleh diperolehi melalui salah satu daripada pendekatan berikut:



a. Pensijilan Kumpulan bagi pengeluaran Tandan Buah Segar (FFB)

b. Prinsip & Kriteria (P&C) RSPO 2018





# 02

# PENDEKATAN BERPERINGKAT RSPO UNTUK PENSIJILAN PEKEBUN KECIL BEBAS

# 02 PENDEKATAN BERPERINGKAT RSPO UNTUK PENSIJILAN PEKEBUN KECIL BEBAS

Standard ISH RSPO memperkenalkan sebuah pendekatan berperingkat untuk membolehkan pekebun kecil mencapai pematuhan dalam tempoh masa yang ditetapkan, seperti yang ditunjukkan di dalam Gambar Rajah 2. Pendekatan tersebut terdiri daripada tiga peringkat:

**1 Kemasukan:**
Kelayakan (E); keperluan-keperluan minimum yang harus dipenuhi untuk memasuki sistem pensijilan.

**2 Kemajuan:**
Milestone A (MS A); Keperluan-keperluan pertengahan yang harus dipenuhi dalam tempoh 2 tahun.

**3 Pematuhan Penuh:**
Milestone B (MS B, iaitu pematuhan penuh); keperluan-keperluan akhir yang harus dipenuhi dalam tempoh 1 tahun dari pencapaian Milestone A.




**Gambar Rajah 2:** Pendekatan berperingkat untuk pensijilan pekebun kecil berbanding dengan Standard ISH RSPO



Pendekatan berperingkat membolehkan pekebun kecil memasuki sistem RSPO sebaik sahaja mereka menjadi sebahagian daripada sebuah kumpulan dan memenuhi semua indikator-indikator kelayakan. Pendekatan ini direka untuk menapis pekebun-pekebun kecil yang melakukan amalan-amalan yang tidak mampan dan seterusnya, bagi mereka yang layak, memberikan masa untuk penambahbaikan dan kemajuan yang berterusan ke arah memenuhi kesemua keperluan. Keperluan-keperluan utama pendekatan ini ialah:

- Kumpulan harus menunjukkan kemajuan dalam bergerak daripada memenuhi indikator-indikator Kelayakan, ke indikator-indikator yang tersenarai di bawah Milestone A, dan akhirnya memenuhi indikator-indikator Milestone B.
- Kemajuan hendaklah berlaku dalam tempoh yang ditetapkan;
  1. Dua tahun untuk maju dari Kelayakan ke Milestone A.
  2. Satu tahun lagi untuk maju dari Milestone A ke Milestone B.
- Pematuhan di setiap peringkat ditentukan dengan memenuhi semua keperluan-keperluan peringkat terkini dan juga peringkat-peringkat terdahulu, contohnya untuk mematuhi Milestone A, kumpulan pekebun kecil berkenaan harus menunjukkan pematuhan kepada keperluan-keperluan Kelayakan dan juga Milestone A.
- Pekebun kecil boleh terus maju ke Milestone B jika mereka boleh menunjukkan pematuhan dengan Milestone A dan Milestone B di peringkat Kelayakan. Mereka boleh terus ke hadapan dan diaudit untuk Milestone A dan Milestone B pada masa yang sama, seperti yang dinilai oleh pengurus kumpulan dan juruaudit pihak ketiga. Syarat ini juga boleh digunakan untuk sebarang latihan (Milestone A) di mana menurut penilaian pengurus kumpulan, pekebun kecil berkenaan sudah pun mempunyai kebolehan-kebolehan yang berkaitan.
- Di peringkat Milestone B, pekebun kecil hendaklah berupaya menunjukkan pematuhan kepada, dan akan diaudit untuk, semua indikator, termasuk yang tersenarai di bawah peringkat Kelayakan, Milestone A dan Milestone B.

Proses kemajuan berterusan terikat kepada insentif-insentif yang dinyatakan seperti berikut:

## 2.1 Pensijilan, Tuntutan dan Faedah

Sistem pensijilan terdiri daripada tiga peringkat di mana setiap peringkat mempunyai keperluan-keperluannya yang tersendiri untuk menilai pematuhan dan tuntutan yang boleh dikemukakan oleh pekebun kecil serta faedah-faedah untuk pekebun kecil.

- Di setiap peringkat, pematuhan kumpulan dan ahli-ahlinya ke arah memenuhi indikator-indikator dinilai melalui pengauditan di lapangan oleh sebuah Badan Pensijilan yang diiktiraf.
- Tuntutan merujuk kepada status yang boleh diberikan oleh pekebun kecil kepada tandan buah segar (FFB) yang mereka hasilkan, yang dinyatakan sebagai kesetaraan minyak sawit mentah atau minyak isirung sawit (CPO/PKO) yang diperakui, dan boleh dijual sebagai minyak sawit yang diperakui melalui kesemua model rantaian bekalan, sama ada melalui kredit pekebun kecil atau dagangan fizikal (hanya di peringkat Milestone B).
- Faedah merujuk kepada insentif-insentif yang boleh diterima oleh pekebun kecil melalui penjualan FFB yang diperakui sebagai Kredit-kredit RSPO atau melalui model rantaian bekalan fizikal (Identiti Terpelihara- IP, Terpisah- SG, atau Terkumpul- MB). Pembeli boleh membeli minyak sawit yang diperakui daripada pekebun kecil dan berhubung di luar berkenaan sumber-sumber mereka.
  → lihat di sini untuk maklumat lanjut tentang Kredit RSPO.



## Prinsip untuk menukar FFB yang diperakui kepada minyak sawit lestari yang diperakui (CSPO)

Pekebun kecil boleh menjual FFB mereka yang diperakui kepada kilang yang diperakui melalui model rantaian bekalan fizikal atau sebagai kesetaraan Kredit-kredit RSPO. Kelayakan untuk menjual di bawah model rantaian bekalan fizikal hanya dibolehkan selepas pekebun kecil bebas mencapai Milestone B. Satu tan FFB ditukarkan kepada beberapa tan Kredit-kredit Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) menggunakan kadar perahan minyak (OER) yang asas iaitu 20%, tertakluk kepada penentusahan dan pengesahan juruaudit.

Oleh itu, 100 tan FFB lestari yang diperakui adalah bersamaan dengan 20 tan CSPO yang bersamaan dengan 20 kredit. Kadar Perahan Isirung (KER) yang asas juga terdapat untuk minyak isirung atau hampas isirung (lihat gambar rajah).



Bahagian-bahagian berikut menjelaskan keperluan-keperluan jaminan am, tuntutan-tuntutan dan faedah-faedah di bawah setiap satu daripada tiga peringkat tersebut, seperti yang diringkaskan dalam Gambar Rajah 3.

### 2.1.1 Kelayakan – peringkat kemasukan

**Keperluan-keperluan Jaminan**

- Untuk membuktikan pematuhan dengan indikator-indikator kelayakan, sebuah pengauditan di lapangan hendaklah dijalankan oleh sebuah Badan Pensijilan yang diiktiraf oleh RSPO1, seperti yang disenaraikan oleh RSPO di sini (https://www.rspo.org/certification/bodies)
- Semua ahli individu kumpulan yang telah bersedia untuk disahkan di peringkat kemasukan hendaklah memenuhi kesemua indikator Kelayakan.

**Tuntutan dan Faedah**

- Sehingga 40% FFB boleh dijual sebagai Kredit Pekebun Kecil RSPO (bersamaan dengan kredit CSPO, CSPKO atau CSPKE) melalui platform Teknologi Maklumat (IT) dan sistem perdagangan RSPO,
- Sebaik sahaja indikator-indikator Kelayakan telah disahkan, kumpulan berkenaan boleh terus menuntut FFB yang dihasilkan sebagai kesetaraan CSPO dan menjualnya sebagai Kredit Pekebun Kecil RSPO
- FFB yang dihasilkan tidak boleh dijual melalui rantaian bekalan fizikal (IP atau SG).

[1] *Kumpulan-kumpulan boleh mengemukakan permohonan kepada Dana Sokongan Pekebun Kecil RSPO (RSSF) untuk menampung kos pengauditan pertama indikator-indikator Kelayakan.*

### 2.1.2 Milestone A – penambahbaikan berterusan dan kemajuan

**Keperluan-keperluan Jaminan**

- Bagi membuktikan kemajuan, ahli-ahli kumpulan hendaklah memenuhi 100% indikator-indikator Milestone A di samping mengekalkan pematuhan dengan 100% indikator-indikator Kelayakan
- Semua ahli individu kumpulan hendaklah memenuhi semua indikator-indikator Kelayakan dan Milestone A
- Sebuah Badan Pensijilan yang diiktiraf hendaklah menjalankan pengauditan di lapangan

**Tuntutan dan Faedah**

- Kumpulan-kumpulan boleh menunjukkan pematuhan dengan indikator-indikator Milestone A dalam tempoh maksimum 2 tahun dari tempoh disahkan di peringkat Kelayakan
- Sehingga 70% FFB boleh dijual sebagai Kredit Pekebun Kecil RSPO (bersamaan dengan kredit CSPO, CSPKO atau CSPKE) melalui platform Teknologi Maklumat (IT) dan sistem perdagangan RSPO. FFB yang dihasilkan tidak boleh dijual melalui rantaian bekalan fizikal (IP atau SG).

### 2.1.3 Milestone B – penambahbaikan berterusan dan pematuhan penuh

**Keperluan-keperluan Jaminan**

- Sebuah pengauditan di lapangan ke atas kumpulan dijalankan oleh sebuah Badan Pensijilan yang diiktiraf
- Semua ahli individu kumpulan haruslah memenuhi 100% indikator-indikator Milestone B, dan juga mengekalkan pematuhan dengan 100% indikator-indikator Kelayakan dan 100% indikator-indikator Milestone A.

**Tuntutan dan Faedah**

- Kumpulan boleh menunjukkan pematuhan dengan indikator-indikator Milestone B dalam tempoh maksimum satu tahun dari tempoh disahkan di peringkat Milestone A
- 100% FFB boleh dijual sebagai diperakui kepada kilang yang diperakui melalui model rantaian bekalan fizikal (IP, SG atau MB); ATAU
- 100% FFB boleh dijual sebagai Kredit RSPO (Kredit CSPO, CSPKO atau CSPKE) melalui platform Teknologi Maklumat (IT) dan sistem perdagangan RSPO; ATAU
- 100% FFB boleh dijual melalui gabungan rantaian bekalan fizikal dan sebagai Kredit RSPO.




**Gambar Rajah 3:** Sistem jaminan dan tuntutan kredit pekebun kecil




03

# KEPERLUAN-KEPERLUAN NORMATIF STANDARD PEKEBUN KECIL BEBAS RSPO

## 3.1 Prinsip, Kriteria dan Indikator

Prinsip, Kriteria dan Indikator (PCI) Standard ISH RSPO terdiri daripada 4 prinsip, 23 kriteria dan 58 indikator yang diatur sekitar bidang impak RSPO: Kemakmuran, Kemanusiaan dan Planet:

- PCI yang boleh digunakan oleh pekebun kecil (sebagai ahli kumpulan individu) dan pengurus kumpulan; dan
- Keperluan sistem bagi Pembentukan dan Pengurusan Kumpulan (termasuk Sistem Kawalan Dalaman) yang hanya boleh digunakan oleh pengurus kumpulan [bukannya ahli kumpulan pekebun kecil individu].

PCI harus dilihat seperti berikut:

| 4 PRINSIP | 23 KRITERIA | 58 INDIKATOR |
|---|---|---|
| **PRINSIP** adalah kenyataan tentang hasil yang diingini dan berfungsi sebagai rangka kerja keseluruhan. | **KRITERIA** adalah bagaimana pencapaian hasil yang diingini akan kelihatan buat pengurus kumpulan dan ahli kumpulan individu (pekebun kecil). | **INDIKATOR** menetapkan apa yang ahli pekebun kecil individu dan kumpulan harus tunjukkan untuk memenuhi kriteria. |

**Indikator-indikator dipaparkan di dalam tiga ruang, memperlihatkan tiga peringkat ke arah pematuhan penuh**

- Indikator Kelayakan mesti dipenuhi untuk memasuki sistem
- Indikator Milestone A mesti dipenuhi untuk menunjukkan kemajuan-berterusan kumpulan berkenaan ke arah pematuhan penuh
- Indikator Milestone B mesti dipenuhi untuk mencapai pematuhan penuh dengan Standard ISH RSPO
- Indikator-indikator adalah kumulatif; seperti berikut:
  - o Di peringkat Kelayakan, 100% indikator diperlukan untuk pematuhan;
  - o Di peringkat Milestone A, 100% indikator Kelayakan + 100% indikator Milestone A diperlukan untuk pematuhan;
  - o Di peringkat Milestone B, 100% indikator Kelayakan + 100% indikator Milestone A + 100% indikator Milestone B diperlukan untuk pematuhan.



### 3.1.1 Panduan lanjut untuk mentafsirkan Prinsip, Kriteria dan Indikator

PCI Standard ISH RSPO hendaklah dibaca dan digunakan bersama dengan peralatan-peralatan, sumber-sumber serta panduan lanjut yang terkandung di dalam dokumen ini di bahagian-bahagian tertentu[2].

### 3.1.2 Deklarasi Pekebun Kecil

Di dalam PCI, beberapa rujukan dibuat kepada Deklarasi Pekebun Kecil. Ia merujuk kepada sebuah kenyataan pendek dan ringkas serta tidak terikat dari segi undang-undang yang akan disampaikan oleh pengurus kumpulan kepada pekebun kecil yang menyertai atau membentuk kumpulan. Isi kandungan dan tujuan dokumen tersebut akan diterangkan kepada pekebun kecil sebelum sebarang tandatangan (atau cap ibu jari) dan persetujuan terhadap isi kandungan kenyataan tersebut diminta. Sebagai sebahagian daripada peringkat Kelayakan, setiap pekebun kecil dikehendaki menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil (lihat indikator 1.1 E dan Lampiran 2). Deklarasi Pekebun Kecil merupakan sebahagian daripada keperlu-ankeperluan normatif standard.

Objektif Deklarasi Pekebun Kecil ialah untuk:

1. Memastikan pekebun kecil memahami komitmen mereka di bawah pensijilan Standard ISH RSPO.

2. Memperolehi data yang relevan daripada pekebun kecil berkenaan plot dan rancangan sedia ada mereka.

3. Menyampaikan tentang faedah-faedah yang bakal diterima oleh pekebun kecil dengan menyertai Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.

[2] *Versi akhir dokumen ini akan turut memuatkan panduan untuk ahli kumpulan individu dan pengurus kumpulan di Bahagian 4 dan 5*



### 3.1.3 Melangkau indikator yang tidak berkaitan

Jadual PCI menyatakan enam situasi di mana kriteria atau indikator boleh dilangkau jika pekebun kecil berkenaan boleh menunjukkan yang ianya tidak berkaitan. Contohnya, jika pekebun kecil tidak bercadang untuk meluaskan plot mereka atau menanam pokok kelapa sawit baharu, kriteria tertentu yang khusus untuk tanaman baharu adalah tidak berkaitan dan oleh itu boleh dilangkau. Ini ditanda dengan jelas di dalam jadual. Sila maklum bahawa tiada satu pun indikator Kelayakan boleh dilangkau.

Ikon ini merujuk kepada bahagian yang boleh dilangkau

### 3.1.4 Sokongan untuk pekebun kecil

**Keperluan latihan:**

Latihan dan sokongan untuk pekebun kecil dan pengurus kumpulan merupakan komponen asas Standard ISH RSPO. Jenis latihan tepat yang diperlukan akan berbeza dan bergantung kepada keperluan pekebun kecil individu berkenaan. Adalah menjadi tanggungjawab pengurus kumpulan untuk memastikan pekebun-pekebun kecil mempunyai akses kepada latihan. Oleh yang demikian, pengurus kumpulan akan menilai keperluan latihan ahli-ahli kumpulan semasa kemasukan.

Standard ISH RSPO direka dengan tanggapan bahawa tidak semua pekebun kecil mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk memenuhi kesemua indikator di peringkat kemasukan (Peringkat Kelayakan). Di dalam pendekatan berperingkat, Standard ISH RSPO mewujudkan komponen latihan yang agak besar (terutamanya di Milestone A) yang diperkenalkan sebagai indikator-indikator yang memerlukan pekebun kecil menjalani latihan. Tidak semua pekebun kecil perlu menyertai semua latihan; pematuhan dengan indikator-indikator yang merujuk kepada latihan bergantung kepada tahap keupayaan dan sokongan yang diperlukan oleh ahli kumpulan.

**Sumber latihan:**

Terdapat pelbagai sumber bahan latihan yang disediakan oleh RSPO untuk pelatih, pengurus kumpulan dan ahli kumpulan. Kandungan latihan terdiri daripada pembentukan kumpulan dan memenuhi keperluan-keperluan teknikal seperti penggunaan racun perosak, ke templat-templat untuk membantu dalam penyimpanan rekod dan mengenal pasti amalan-amalan berjaga-jaga dalam pelindungan kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV).

Sila lihat [https://www.rspo.org/smallholders/smallholders-key-documents] untuk senarai lengkap peralatan dan bahan latihan yang tersedia untuk pekebun kecil dan pengurus kumpulan.

### Sumber-sumber bahan latihan untuk pengurus kumpulan dan pekebun kecil

**Akademi Pelatih Pekebun Kecil RSPO** menyediakan satu siri modul latihan untuk pengurus kumpulan dan pekebun kecil melalui pendekatan 'Melatih Pelatih'. Oleh itu, modul-modul latihan yang boleh didapati melalui Akademi Pelatih Pekebun Kecil disesuaikan khusus untuk pelatih (yang boleh termasuk pengurus kumpulan) dan bukannya pekebun kecil itu sendiri.

**RSPO** juga membangunkan peralatan-peralatan dan sumber-sumber (templat, garis panduan, dll.) untuk lebih menyokong dan memandu pekebun kecil dan kumpulan pekebun kecil ke arah kemajuan dan pematuhan penuh. Ini akan berkaitan dengan dokumentasi dan memenuhi keperluan-keperluan teknikal tertentu. Contoh topik-topik di mana bahan latihan, peralatan dan garis panduan akan disediakan termasuk dan tidak terbatas kepada; penilaian saliran tanah gambut, penggunaan dan penyimpanan racun perosak, dan FPIC untuk pekebun kecil.

RSPO juga menyediakan peralatan dan latihan khususnya untuk memastikan pengurus kumpulan bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberi. Contoh peralatan dan latihan yang tersedia untuk pengurus kumpulan termasuk latihan tentang aplikasi HCV bagi pekebun kecil, latihan tentang Deklarasi Pekebun Kecil, dan templat-templat untuk Sistem Kawalan Dalaman (ICS) kumpulan.

**Dana Sokongan Pekebun Kecil (RSSF)** menyediakan bantuan kewangan kepada pengurus kumpulan dan ahli-ahlinya. Selain daripada itu, selaras dengan Strategi Pekebun Kecil RSPO, sokongan lanjut dalam bentuk keupayaan teknikal serta penyediaan peralatan dan panduan, atau bantuan kewangan, juga disediakan melalui RSSF untuk pengurus kumpulan dan ahli-ahlinya. Ini termasuklah bantuan kewangan untuk pengauditan pertama bagi menilai kelayakan.

**Penyampaian Latihan**

Bahan-bahan latihan boleh disediakan dengan sokongan daripada kilang-kilang (dan pembeli hiliran selanjutnya) seperti yang ditetapkan oleh Prinsip 5 P&C 2018 RSPO atau sebagai sebahagian daripada Akademi Pelatih Pekebun Kecil RSPO.

### 3.1.5 Inklusiviti jantina

Seperti yang dinyatakan di dalam P&C 2018 dan sejajar dengan Teori Perubahan RSPO, yang berusaha ke arah matlamat hak asasi manusia yang dilindungi, dihormati dan diperbaiki, Standard ISH RSPO mewajibkan amalan-amalan yang inklusif jantina. Ini merujuk kepada penyediaan hak, tanggungjawab dan peluang sama rata untuk semua tanpa mengira jantina, orientasi seksual dan identiti jantina termasuk lelaki, wanita, budak perempuan dan budak lelaki, serta lain-lain identiti jantina seperti yang dinyatakan oleh individu terbabit. Prinsip ini hendaklah melibatkan semua pekebun kecil dan pengurus kumpulan terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan amalan buruh dan layanan terhadap pekerja.

Di dalam Standard ISH RSPO, dan terutamanya di dalam PCI, di mana terdapatnya sebutan pekebun kecil, peladang, pengurus kumpulan atau pekerja, ianya boleh merujuk kepada wanita atau lelaki dan tidak tertakluk kepada sebarang identiti jantina yang khusus.

### 3.1.6 Pertimbangan tambahan

Melainkan dinyatakan sebaliknya, ‘Pekebun kecil’ merujuk kepada pekebun kecil individu yang membentuk sebahagian daripada sebuah kumpulan.

Bagi tujuan ketidakakuran, tiada pembezaan antara indikator-indikator, contohnya tiada penentuan antara indikator kritikal dan tidak kritikal.



PROSPERITY

# KEMAKMURAN

## Sektor berdaya saing, berdaya tahan dan mampan.

Prinsip

# 1

**Mengoptimumkan daya pengeluaran, kecekapan, impak positif dan daya tahan**

*Melaksanakan operasi yang profesional dan telus untuk menjamin penambahbaikan punca pendapatan yang lestari.*

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **1.1**<br>**Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard ISH RSPO** | **1.1 E**<br>Entiti yang berdaftar secara sah mempunyai bukti berdokumen yang merangkumi:<br>1. Pembentukan sah (seperti yang ditentukan oleh negara masing masing)<br>2. Sistem membuat keputusan dan tadbir urus yang adil dan telus<br>3. Dokumen tambahan seperti yang diperlukan untuk Pembentukan dan Pengurusan Kumpulan<br>4. Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani atau dicap ibu jari daripada semua ahli pekebun kecil. (Rujukan Lampiran 2) | **1.1 MS A**<br>Pengurus kumpulan dan ahli kumpulan mempunyai sebuah Sistem Kawalan Dalaman (ICS) yang memenuhi kesemua keperluan ICS Kelayakan dan MS A (lihat bahagian 3.2 di bawah) dan melengkapkan latihan dalam mekanisme penentuan harga minyak sawit, pengurusan kewangan, dan amalan-amalan terbaik untuk organisasi pekebun kecil. | **1.1 MS B**<br>Kumpulan pekebun kecil beroperasi menurut amalanamalan pengurusan terbaik untuk kumpulan, termasuk:<br>• Sistem membuat keputusan dan tadbir urus yang adil dan telus<br>• Pengurusan kewangan yang mampan |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **1.2**<br>**Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan** | Tidak berkaitan | **1.2 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam pengendalian, pengawasan dan perancangan perusahaan ladang. Latihan termasuk pembinaan keupayaan dalam penyimpanan rekod untuk pengeluaran, termasuk input dan hasil, urus niaga, dan jenis. | **1.2 MS B**<br>Pekebun kecil menguruskan ladang mereka dengan berkesan serta mengekalkan rekod pengeluaran dan data urus niaga semua penjualan FFB. |
| **1.3**<br>**Pekebun kecil melaksanakan amalan-amalan pertanian yang baik (GAP) di ladang mereka** | **1.3 E**<br>Pekebun kecil komited untuk melaksanakan amalan pertanian baik di ladang mereka. (Rujukan Deklarasi Pekebun Kecil, 1.1 E, Lampiran 2). | **1.3 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam GAP. | **1.3 MS B**<br>Pekebun kecil melaksanakan GAP di ladang mereka dan mengesan produktiviti melalui, tetapi tidak terbatas kepada, rekod penjualan FFB. |



PEOPLE

# KEMANUSIAAN

## Kelestarian punca pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Hak Asasi Manusia dilindungi, dihormati dan diperbaiki

Prinsip

# 2

**Memastikan kesahan, hak tanah dihormati dan kesejahteraan komuniti**

*Mematuhi undang-undang dan menghormati hak-hak komuniti*

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **2.1**<br>**Pekebun kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, dan amalanamalan lazim** | **2.1 E**<br>Pekebun kecil mengemukakan koordinat atau petapeta plot mereka dan bukti hak milik, atau hak untuk menggunakan tanah. (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2) | **2.1 MS A**<br>Pekebun kecil boleh menunjukkan hak milik yang sah atau asli dan/atau lazim untuk menggunakan tanah atau menunjukkan bahawa mereka sedang di dalam proses untuk mengesahkan hak tersebut | **2.1 MS B**<br>Sempadan plot pekebun kecil ditandakan dengan jelas dan nyata serta dikekalkan, dan pekebun kecil hanya beroperasi di dalam sempadan-sempadan berkenaan |
| **2.2**<br>**Pekebun kecil tidak memperolehi tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa persetujuan bebas, terdahulu dan berpengetahuan (FPIC), berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | **2.2. E**<br>Bagi plot sedia ada, pekebun kecil boleh menunjukkan bahawa mereka tidak memperolehi tanah tanpa FPIC masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2) | **2.2 MS A**<br>Sama seperti Kelayakan | **2.2 MS B**<br>Sama seperti Kelayakan |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **2.3**<br>**Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain** | **2.3 E**<br>Pekebun kecil mengisytiharkan sebarang pertikaian sedia ada ke atas tanah berkenaan, komited untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan mengemukakan maklumat tentang status terkini pertikaian tersebut (jika ada) (Rujukan Indikator 1.1 E, Lampiran 2) | **2.3 MS A**<br>Tiada pertikaian di kalangan masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain berkenaan tanah, kegunaan sumber dan hak akses; atau di mana terdapat pertikaian, proses penyelesaian pertikaian dilaksanakan dan diterima oleh semua pihak yang terlibat | **2.3 MS B**<br>Sama seperti Milestone A |
| **2.4**<br>**Plot pekebun kecil terletak di luar kawasan yang diklasifikasikan sebagai taman negara atau kawasan lindungan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, wilayah atau negara, atau seperti yang dinyatakan dalam Interpretasi Nasional** | **2.4 E**<br>Plot pekebun kecil terletak di luar kawasan yang diklasifikasikan sebagai taman negara atau kawasan lindungan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, wilayah atau negara, atau seperti yang dinyatakan dalam Interpretasi Nasional (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). | **2.4 MS A**<br>Sama seperti Kelayakan | **2.4 MS B**<br>Sama seperti Kelayakan |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br><br>**2.5**<br>**Bagi penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperolehi sebarang tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna yang lain, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | **2.5 E**<br>Bagi penanaman baharu kelapa sawit, pekebun kecil komited untuk tidak membersihkan atau memperolehi tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa FPIC daripada mereka, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br><br>**2.5 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam cara melaksanakan pendekatan FPIC yang dipermudahkan | **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br><br>**2.5 MS B**<br>Berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan, pekebun kecil mencapai persetujuan bersama dengan masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau lain-lain pemegang hak yang terlibat, termasuk kumpulan rentan, untuk sebuah rancangan pembangunan kelapa sawit baharu, jika ia melibatkan perubahan guna tanah |



PEOPLE

# KEMANUSIAAN

## Kelestarian punca pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Hak Asasi Manusia dilindungi, dihormati dan diperbaiki

Prinsip

# 3

**Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan kebajikan pekerja**

*Menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak pekerja, memastikan keadaan kerja yang selamat dan memuaskan*

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **3.1**<br>**Tiada penggunaan buruh paksa** | **3.1 E**<br>Pekebun kecil komited untuk tidak menggunakan buruh paksa dan memastikan sebarang penggunaan buruh paksa di ladang ditamatkan di peringkat Kelayakan. Mereka mengemukakan maklumat tentang sumber buruh, termasuk ahli keluarga yang bekerja di ladang dan buruh upahan termasuk pekerja kontrak (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.1 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam buruh yang bebas dan adil serta mengambil langkah langkah untuk memastikan bahawa semua kerja adalah secara sukarela, dan amalan-amalan berikut dilarang:<br>• Penahanan dokumen pengenalan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pasport;<br>• Pembayaran yuran pengambilan kerja oleh pekerja;<br>• Penggantian kontrak;<br>• Kerja lebih masa secara terpaksa;<br>• Kekurangan kebebasan bagi pekerja untuk berhenti kerja;<br>• Penalti untuk penamatan perkhidmatan;<br>• Ikatan hutang;<br>• Penahanan gaji | **3.1 MS B**<br>Pekerja di ladang, termasuk ahli keluarga, mempunyai akses yang tidak terhad kepada dokumen pengenalan mereka, kebebasan bergerak dan boleh menyatakan bahawa pengambilan mereka adalah pilihan bebas |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **3.2**<br>**Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploitasi. Kerja yang dibuat oleh kanak-kanak hanya dibenarkan di atas ladang milik keluarga, di bawah pengawasan orang dewasa dan jika tidak mengganggu program pendidikan. Kanak kanak tidak didedahkan kepada keadaan kerja yang berbahaya.** | **3.2 E**<br>Pekebun kecil menyedari definisi buruh kanak-kanak dan memastikan bahawa sebarang buruh kanak-kanak dalam operasi perladangan ditamatkan di peringkat Kelayakan.<br>Kesedaran tentang buruh kanak-kanak dan komitmen kepada ketiadaan buruh kanak kanak termasuk:<br>1. Pematuhan terhadap umur minimum pekerja dan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, atau undang-undang antarabangsa jika ketiadaan undangundang tempatan, negeri atau negara<br>2. Tidak mendedahkan kanak-kanak kepada kerja berbahaya.<br>3. Menyediakan pengawasan orang dewasa ke atas kanak-kanak dan/atau pekerja muda di ladang | **3.2 MS A**<br>Pengurus kumpulan dan pekebun kecil mengambil langkah langkah untuk melindungi kanak kanak seperti berikut:<br>1. Tiada pekerja berumur di bawah 15 tahun di ladang pekebun kecil atau di bawah umur minimum yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, negeri atau negara, mengikut yang mana lebih tinggi<br>2. Kanak-kanak hanya dibenarkan membantu di ladang milik keluarga dan tidak dibenarkan melakukan kerja berat, merbahaya atau berbahaya<br>3. Jika pekerja muda diambil, kerja mereka tidak memudaratkan dari segi mental atau fizikal dan tidak mengganggu pelajaran mereka, jika berkaitan | **3.2 MS B**<br>Sama seperti Milestone A |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **3.2** | **3.2 E**<br>4. Memastikan bahawa hak kanak-kanak kepada pendidikan tidak terbatas dan dihormati (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.2 MS A** | **3.2 MS B** |
| **Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU**<br>**3.3**<br>**Gaji pekerja mematuhi keperluan minimum yang sah, standard industri yang diwajibkan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang negara atau perundingan kolektif, mengikut yang mana diberi keutamaan dalam peraturan setempat** | **3.3 E**<br>Pekebun kecil komited untuk membayar gaji pekerja menurut keperluan minimum yang sah atau standard industri yang diwajibkan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.3 MS A**<br>Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui menurut sekurang-kurangnya kadar gaji minimum yang sah (tidak termasuk premium kerja lebih masa) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita | **3.3 MS B**<br>Pekerja menerima bayaran seperti yang dijangka dan dipersetujui menurut sekurang kurangnya kadar gaji minimum yang sah (tidak termasuk premium kerja lebih masa) dan tanpa diskriminasi terhadap kumpulan rentan, termasuk wanita |

| Kriteria | Indikator | | |
| --- | --- | --- | --- |
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU<br>**3.4**<br>**Para pekerja memahami hak dan kebebasan mereka untuk memfailkan aduan ketidakpuasan hati mereka kepada pengurus kumpulan atau pihak ketiga yang berkaitan, termasuk RSPO** | **3.4 E**<br>Pekebun kecil komited untuk menghormati hak pekerja untuk memfailkan aduan/ketidakpuasan hati mereka (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.4 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam hak pekerja untuk memfailkan aduan/ ketidakpuasan hati dan menyampaikan kepada pekerja caracara memfailkan aduan/ketidakpuasan hati | **3.4 MS B**<br>Pekerja mengetahui tentang, dan mempunyai akses kepada, cara-cara memfailkan aduan/ketidakpuasan hati yang berkesan |
| **3.5**<br>**Keadaan kerja dan kemudahan di tempat kerja adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum yang sah** | **3.5 E**<br>Pekebun kecil komited untuk menyediakan keadaan kerja yang selamat dan kemudahan-kemudahan (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.5 MS A**<br>Pekebun kecil, pekerja, dan ahli keluarga melengkapkan latihan dan menyedari tentang risiko keselamatan dan kesihatan yang berkaitan dengan kerja di ladang (termasuk penggunaan racun perosak) dan cara untuk mengurangkannya | **3.5 MS B**<br>Pekerja, termasuk ahli keluarga pekebun kecil, mempunyai akses kepada keadaan kerja yang selamat dan kemudahan kemudahan termasuk:<br>• Perumahan yang selamat dan memuaskan, di mana berkaitan;<br>• Akses kepada bekalan pertolongan cemas yang asas;<br>• Kelengkapan keselamatan dan kesihatan, termasuk peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang minimum jika bersesuaian dengan jenis kerja; |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **3.5** | **3.5 E** | **3.5 MS A** | **3.5 MS B**<br>• Air minuman yang mencukupi;<br>• Akses kepada tandas |
| **Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU**<br>**3.6**<br>**Tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang** | **3.6 E**<br>Pekebun kecil komited kepada tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **3.6 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam diskriminasi, gangguan dan penganiayaan di tempat kerja dan menyedari tentang keperluan tempat kerja yang selamat | **3.6 MS B**<br>Pekerja bebas menyatakan bahawa mereka bekerja di tempat yang bebas daripada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan |





# PLANET

## Ekosistem terpelihara, dilindungi dan diperbaiki yang membekali generasi seterusnya

## Prinsip 4

**Melindungi, memelihara dan memperbaiki ekosistem dan alam sekitar**

*Melindungi alam sekitar, memelihara biodiversiti, memperbaiki ekosistem dan memastikan pengurusan sumber asli yang mampan*

## *Pendahuluan*

***Kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV) dan hutan Stok Karbon Tinggi (HCS)***

*Standard ISH RSPO mengejar objektif Strategi Pekebun Kecil RSPO untuk meningkatkan kemasukan pekebun kecil, mengutamakan amalan-amalan yang diperbaiki yang juga menguntungkan punca pendapatan pekebun kecil, di samping mengekalkan keperluan-keperluan kelestarian teras. Ini termasuklah perlindungan kawasankawasan HCV dan hutan-hutan HCS. RSPO telah membangunkan sebuah metodologi HCV yang dipermudahkan untuk mengenal pasti, melindungi dan menguruskan HCV yang memberikan panduan untuk penanaman baharu dan sedia ada.*

*Sejajar dengan keperluan-keperluan HCS baharu dalam P&C 2018 RSPO, RSPO, dalam rundingan bersama Kumpulan Pemandu HCSA, bercadang untuk membangunkan sebuah gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan bagi mengenal pasti dan melindungi hutan-hutan HCS. Gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan untuk pekebun kecil bebas akan dibuka kepada konsultasi awam dan akan diterbitkan selewat-lewatnya pada November 2020.*

*Sebelum itu, pekebun kecil bebas tidak dibenarkan untuk membersihkan mana-mana hutan primer, dan/atau sebarang kawasan yang diperlukan untuk melindungi atau memperbaiki kawasan-kawasan HCV dan hutan-hutan HCS, seperti yang dipersetujui dengan menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil. Sehingga gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan tersebut dan peralatan untuk pekebun kecil bebas tersedia, penanaman baharu hanya dibenarkan di kawasan berisiko rendah. Definisi dan prosedur untuk mengenal pasti kawasan berisiko rendah akan ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tiada Penyahhutanan Pekebun Kecil.*

### *Prosedur Pemulihan dan Pampasan (RaCP)*

*Remulihan dan pampasan diperlukan untuk sebarang kerja pembersihan kawasan sejak November 2005 tanpa penilaian HCV terlebih dahulu (lihat kriteria 4.2) dan sebarang kerja pembersihan kawasan sejak November 2019 tanpa penilaian HCS terlebih dahulu.*

*Keperluan-keperluan seperti yang dinyatakan dalam RaCP (2015) tidak dapat dikenakan sepenuhnya kepada pekebun kecil bebas. Untuk pekebun kecil bebas, Standard ISH RSPO ini bertumpu kepada pembangunan mekanisme RaCP yang bersesuaian seperti pemulihan di tapak (dengan mekanisme pembiayaan bakal ditetapkan), kerana ini adalah bersesuaian dari segi konteks dengan skala pengeluaran pekebun kecil dan membolehkan pekebun kecil bebas memaksimumkan impak persekitaran yang positif di tapak. Keperluan ini bermakna liabiliti yang dikira didedahkan dan dinilai melalui analisis perubahan guna tanah (LUCA) yang disokong oleh Sekretariat RSPO.*

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **4.1**<br>**Nilai Konservasi Tinggi (HCV) di atas plot pekebun kecil atau di dalam kawasan yang diurus dan hutan-hutan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang dikenal pasti selepas November 2019 menggunakan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan, diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau diperbaiki** | **4.1 E**<br>Pekebun kecil komited untuk melindungi kawasankawasan HCV dan hutan-hutan HCS melalui pendekatan amalan-amalan berjaga-jaga (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **4.1 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang:<br>• kepentingan mengekalkan dan memelihara kawasan kawasan HCV dan hutan-hutan HCS<br>• konflik manusia hidupan liar dan usaha untuk mengurangkannya<br>• Spesies RTE dan ekosistem penting | **4.1 MS B**<br>Pekebun kecil melaksanakan amalan-amalan berjaga-jaga serta menguruskan dan mengekalkan spesies RTE, dan kawasan kawasan HCV dan HCS, di mana berkenaan |
| **4.2**<br>**Di mana plot sedia ada pekebun kecil telah ditanam dan dibersihkan selepas November 2005 atau berada di dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan HCS selepas November 2019 sehingga tempoh kelayakan, sebuah proses RaCP yang bersesuaian untuk pekebun kecil berdasarkan Analisa Perubahan Guna Tanah (LUCA) akan digunakan (pendahuluan rujukan)** | **4.2 E**<br>Pekebun kecil mengemukakan maklumat tentang semua plot pekebun kecil yang ditukar dan ditanam dengan kelapa sawit selepas 2005, melalui penggunaan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan untuk Pekebun Kecil (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). | **4.2 MS A**<br>Ahli kumpulan membangunkan sebuah pelan bagi mengenal pasti kawasan maksimum untuk pemulihan di tapak buat kawasan HCV yang hilang sejak 2005 dan hutan HCS yang hilang sejak November 2019, melalui proses berpenglibatan dan pelan tersebut diserahkan kepada RSPO. | **4.2 MS B**<br>Sebuah pelan yang diluluskan oleh RSPO untuk memulihkan kawasan HCV yang hilang sejak 2005 dan hutan HCS yang hilang sejak November 2019 dilaksanakan. |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br><br>**4.3 Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan**<br>• **Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional)**<br>• **Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman** | **4.3 E**<br>Pekebun kecil mengemukakan maklumat tentang semua rancangan penanaman baharu dan komited untuk tidak melakukan penanaman baharu di kawasan HCV atau hutan HCS, di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional) atau di tanah gambut (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?**<br><br>**4.3 MS A**<br>Sebelum sebarang penyediaan tanah berlangsung, ahli kumpulan membangunkan sebuah pelan pengurusan bersepadu melalui pendekatan berpenglibatan untuk mengekalkan atau memperbaiki kawasan HCV dan hutan HCS yang dikenal pasti selepas November 2019, seperti yang dikenal pasti oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan | **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit?**<br><br>**4.3 MS B**<br>Pekebun kecil mempunyai sebuah pelan pengurusan bersepadu yang diluluskan oleh RSPO untuk rancangan penanaman baharu mereka dan berkongsi notis pelan tersebut dengan mereka yang terbabit dalam pemetaan berpenglibatan sebelum sebarang penyediaan tanah berlangsung. |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai plot sedia ada di kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU**<br>**4.4**<br>**Di mana plot pekebun kecil berada di kawasan tanah gambut, pemendapan dan penurunan paras tanah gambut diminimumkan dengan penggunaan amalan-amalan pengurusan terbaik** | **4.4 E**<br>Pengurus kumpulan mengesahkan kehadiran tanah gambut di plot sedia ada di dalam kumpulan dan pekebun kecil di tanah gambut komited untuk menggunakan amalanamalan pengurusan terbaik (BMP), serta meminimumkan pemendapan dan penurunan paras tanah gambut (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). | **4.4 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam amalan-amalan pengurusan terbaik (BMP) bagi tanah gambut. Kumpulan mempunyai pelan tindakan bagi meminimumkan risiko kebakaran, melaksanakan BMP untuk penanaman di tanah gambut dan menguruskan sistem air di dalam unit pensijilan | **4.4 MS B**<br>Pekebun kecil melaksanakan pelan tindakan kumpulan berdasarkan BMP, termasuk pengurusan air dan api, dan mengawasi kadar pemendapan untuk penanaman sedia ada di tanah gambut |
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di dalam kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU**<br>**4.5**<br>**Penanaman semula bagi plot yang terletak di kawasan tanah gambut hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembanjiran atau penerobosan air masin seperti yang ditunjukkan oleh penilaian risiko** | **4.5 E**<br>Pekebun kecil komited untuk memberikan maklumat tentang semua rancangan penanaman semula dan memastikan penanaman semula hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembanjiran atau penerobosan air masin (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2) | **4.5 MS A**<br>Pekebun kecil yang mempunyai plot di kawasan tanah gambut melengkapkan latihan dalam mengenal pasti risiko pembanjiran atau penerobosan air masin di masa hadapan, dan strategi pembangunan tanah alternatif | **4.5 MS B**<br>Sebelum penanaman semula di kawasan tanah gambut diteruskan, pekebun kecil melengkapkan penilaian risiko berkenaan pembanjiran atau penerobosan air masin dan, di mana terdapatnya risiko tinggi, menyediakan sebuah pelan yang merangkumi strategi pembangunan tanah alternatif, dengan mengutamakan perancangan punca pendapatan alternatif |

| Kriteria | Indikator | | |
| --- | --- | --- | --- |
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **4.6**<br>**Api tidak digunakan di plot kelapa sawit untuk tujuan menyediakan tanah atau mengawal perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan** | **4.6 E**<br>Pekebun kecil komited kepada tiada pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah atau kawalan perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan. Pengurus kumpulan mencatatkan bukti pembakaran sebelumnya oleh ahli yang menyertai kumpulan berkenaan (Rujukan 1.1 E, Latihan 2) | **4.6 MS A**<br>Tiada bukti fizikal pembakaran baharu (selepas kelayakan) untuk tujuan penyediaan tanah bagi penanaman kelapa sawit oleh pekebun kecil. Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang:<br>• alternatif kepada pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah dan pengurusan sisa ladang (di mana boleh dan bersesuaian)<br>• alternatif kepada pembakaran untuk tujuan kawalan perosak<br>• pencegahan pembakaran serta cara bergerak balas kepada, dan menguruskan, pembakaran di dalam komuniti dan kampung berkenaan | **4.6 MS B**<br>Pekebun kecil tidak melakukan pembakaran atau berlatih melakukan pembakaran untuk tujuan penyediaan tanah, pengurusan sisa atau kawalan perosak di ladang. Bagi mengawal perosak, pembakaran hanya dibolehkan dalam keadaan tertentu iaitu di mana tidak terdapat penyelesaian lain yang berkesan dan dengan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan terlebih dahulu |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **4.7**<br>**Zon penampan riparian dikenal pasti dan diurus untuk memastikan ia dikekalkan dan/ atau diperbaiki** | **4.7 E**<br>Pengurus kumpulan mengenal pasti zon penampan riparian di dalam kumpulan dan pekebun kecil komited untuk tidak melakukan penanaman baharu di zon riparian (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). | **4.7 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang, pengurusan zon penampan riparian, dan kumpulan berkenaan mempunyai sebuah pelan tindakan untuk mengekalkan dan/atau memperbaiki zon penampan riparian | **4.7 MS B**<br>Pekebun kecil mengekalkan dan/ atau memperbaiki zon penampan riparian |
| **4.8**<br>**Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar** | **4.8 E**<br>Pekebun kecil komited untuk menghentikan secara berperingka tperingkat penggunaan parakuat dan racun perosak yang dikategorikan sebagai WHO Kelas 1A atau 1B serta yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam dengan:<br>• segera menghentikan pembelian racun perosak tersebut<br>• menghentikan penggunaan baki stok secara berperingkatperingkat menjelang peringkat MS A<br>• memberikan maklumat kepada pengurus kumpulan untuk tujuan penyimpanan rekod pembelian dan penggunaan racun perosak (Rujukan 1.1 E, Lampiran 2). | **4.8 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam BMP untuk racun perosak termasuk penggunaan racun perosak, kesedaran tentang risiko kepada wanita mengandung dan menyusu serta pekerja muda; penyimpanan dan pelupusan; parakuat dan racun perosak yang tersenarai di bawah WHO Kelas 1A atau 1B, Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam (dan mematuhi 3.5). | **4.8 MS B**<br>Pekebun kecil melaksanakan BMP bagi penggunaan semua racun perosak, termasuk melarang penggunaan racun perosak oleh wanita yang mengandung dan menyusu serta pekerja muda, dan mengetepikan parakuat dan racun perosak yang dikategorikan sebagai WHO Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam, melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan untuk wabak perosak |

| Kriteria | Indikator | | |
|---|---|---|---|
| | Kelayakan (E) | Milestone A (MS A) | Milestone B (MS B) |
| **4.9**<br>**Kumpulan berkenaan dan pekebun kecil menguruskan perosak, penyakit, rumpai dan spesies invasif yang diperkenalkan menggunakan teknik yang bersesuaian, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, teknikteknik Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** | Tidak berkaitan | **4.9 MS A**<br>Pekebun kecil melengkapkan latihan dalam, dan menyedari tentang, BMP, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan selamat bahan kimia, IPM, serta pengurusan rumpai dan spesies invasif. | **4.9 MS B**<br>Kumpulan berkenaan dan pekebun kecil memaksimumkan penggunaan pendekatan IPM untuk meminimumkan penggunaan racun perosak dan racun herba di ladang mereka |



## 3.2 Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk Kumpulan-kumpulan Pekebun Kecil

Seperti yang dinyatakan di dalam pengenalan Bahagian 3, Standard ISH RSPO terdiri daripada dua komponen normatif. Jadual di bawah menunjukkan kriteria-kriteria dan indikator-indikator bagi Sistem Kawalan Dalaman (ICS) untuk pembentukan dan pengurusan kumpulan. Adalah menjadi tanggungjawab pengurus kumpulan untuk memastikan bahawa kesemua sistem yang ditetapkan di dalam indikator-indikator dipatuhi di setiap peringkat (Kelayakan, Milestone A dan Milestone B).



### 3.2.1 Sokongan bagi pengurus kumpulan untuk membentuk kumpulan

RSPO mengakui bahawa pembentukan kumpulan-kumpulan pekebun kecil merupakan langkah penting ke arah pensijilan. Untuk membolehkan pemerolehan faedah dan tuntutan kredit sebagai sebuah kumpulan, keperluan-keperluan minimum pembentukan kumpulan mesti dipenuhi. Ini dimasukkan sebagai indikator-indikator Kelayakan di dalam jadual di bawah.

Antara lain-lain mekanisme sokongan yang tersedia, melalui Akademi Pelatih Pekebun Kecil RSPO, RSPO menyediakan program pembinaan keupayaan yang merangkumi latihan dalam pembentukan kumpulan dan pengukuhan kumpulan.

| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **A – ICS: Keperluan-keperluan entiti kumpulan dan pengurusan kumpulan** | | | |
| **A1 Kumpulan membuktikan yang mereka dibentuk secara sah** | **A1.1 E** Kumpulan telah melantik seorang pengurus kumpulan | **A1.1 MS A** Sama seperti Kelayakan | **A1.1 MS B** Sama seperti Kelayakan |
| | **A1.2 E** Pengurus kumpulan mempunyai bukti identiti yang sah | **A1.2 MS A** Sama seperti Kelayakan | **A1.2 MS B** Sama seperti Kelayakan |
| | **A1.3 E** Kumpulan mempunyai syarat syarat keahlian | **A1.3 MS A** Sama seperti Kelayakan | **A1.3 MS B** Sama seperti Kelayakan |
| | **A1.4 E** Semua ahli telah menandatangani dan memaklumi syarat-syarat keahlian | **A1.4 MS A** Semua ahli boleh menunjukkan pemahaman terhadap syarat syarat keahlian | |

| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **A – ICS: Keperluan-keperluan entiti kumpulan dan pengurusan kumpulan** | | | |
| **A2**<br>**Pengurus kumpulan bertanggungjawab menguruskan kumpulan untuk pensijilan** | **A2.1 E**<br>Pengurus kumpulan telah merancang untuk pelaksanaan ICS | **A2.1 MS A**<br>Pengurus kumpulan boleh membuktikan pematuhan kepada ICS oleh ahli-ahli individu | |
| | **A2.2 E**<br>Pengurus kumpulan menunjukkan pemahaman tentang Standard ISH RSPO, pensijilan kumpulan dan topik-topik berkaitan serta mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menguruskan kumpulan | **A2.2 MS A**<br>Pengurus kumpulan boleh menunjukkan keupayaan untuk menguruskan dan mengendalikan pensijilan kumpulan dan keperluan keperluan pensijilan | |
| | **A2.3 E**<br>Sebuah pelan latihan tahunan kumpulan tersedia merangkumi Standard ISH RSPO, pengurusan kumpulan (termasuk objektif, struktur, prosedur berkaitan dan proses pensijilan kumpulan) dan lainlain topik seperti yang ditetapkan di dalam Standard ISH. | **A2.3 MS A**<br>Pengurus kumpulan melaksanakan pendekatan berperingkat untuk memastikan ahli-ahli telah menjalani latihan secara progresif dalam Standard ISH, pengurusan kumpulan dan lain-lain topik seperti yang ditetapkan di dalam Standard ISH menurut pelan latihan tahunan kumpulan | **A2.3 MS B**<br>Semua ahli menjalani latihan dan boleh menunjukkan pemahaman tentang Standard ISH, pengurusan kumpulan dan keperluan keperluan pensijilan termasuk kesedaran tentang BMP, HCV, perlindungan alam sekitar, kebajikan sosial pekerja dan pengendalian perniagaan |

| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **B – ICS: Dasar-dasar dan pengurusan** | | | |
| **B1**<br>**ICS kumpulan mengandungi dasar-dasar yang didokumenkan dan prosedur-prosedur untuk pengurusan pengendalian** | **B1.1 E**<br>Sebuah ICS kumpulan tersedia untuk pengurusan pengendalian termasuk prosedur-prosedur pemecatan dan sekatan buat ahli-ahli yang gagal mematuhi, dan prosedur untuk menjalankan audit dalaman | **B1.1 MS A**<br>ICS dilaksanakan dan audit dalaman dijalankan untuk sekurang-kurangnya separuh daripada ahli-ahli kumpulan dan kesemua penemuan audit ditutup | **B1.1 MS B**<br>ICS dilaksanakan dan audit dalaman tahunan kumpulan dijalankan untuk semua ahli-ahli kumpulan dan kesemua penemuan audit diselesaikan |
| | **B1.2 E**<br>Maklumat asas, maklumat ladang, data pengeluaran, dokumentasi sah ahli-ahli kumpulan dan Deklarasi Pekebun Kecil yang ditandatangani tersedia buat pengurus kumpulan | | |

| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **C – ICS: Perancangan perniagaan kumpulan** | | | |
| **C1**<br>**Kumpulan mempunyai sebuah pelan perniagaan yang disediakan dengan penyertaan dan sumbangan daripada semua ahli kumpulan** | **C1.1 E**<br>Sebuah pelan perniagaan kumpulan tahunan tersedia, yang merangkumi:<br>• peramalan pengeluaran dan pendapatan berdasarkan rekod lampau<br>• rancangan untuk pengembangan | **C1.1 MS A**<br>Pelan perniagaan kumpulan dilaksanakan dan dikaji semula sekurang-kurangnya secara tahunan | **C1.1 MS B**<br>Kumpulan menunjukkan kestabilan dan pertumbuhan kewangan serta mampu untuk menampung diri sendiri dari segi kewangan |
| **C2**<br>**ICS kumpulan disepadukan dengan pelan pengurusan kumpulan** | **C.2.1 E**<br>Sebuah pelan pengurusan kumpulan tersedia, yang merangkumi:<br>• pelan latihan/ pembinaan keupayaan untuk meningkatkan produktiviti ahli-ahli kumpulan<br>• sebuah pendekatan untuk memperkukuhkan hubungan di dalam rantaian bekalan<br>• pelan untuk projek projek penambahbaikan berterusan (iaitu berkenaan sisa, tanah, dsb.), jika ada | **C2.1 MS A**<br>Pelan pengurusan kumpulan dilaksanakan dan dikaji semula sekurang-kurangnya secara tahunan | **C2.1 MS B**<br>Pengurus kumpulan membuktikan pematuhan kumpulan dengan Standard ISH ini |

| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **D – ICS: Sistem perdagangan kumpulan untuk isi padu diperakui** | | | |
| **D1**<br>**Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem untuk mengesan FFB** | **D1.1 E**<br>Lembaran rekod untuk mengesan pengeluaran dan penjualan tahunan isi padu diperakui tersedia, yang merangkumi keboleh kesanan pengeluar dan/atau pedagang | **D1.1 MS A**<br>Pengurus kumpulan mengekalkan rekod pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui | **D1.1 MS B**<br>Pengurus kumpulan mengekalkan rekod pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui untuk semua sumber FFB |
| **D2**<br>**Kumpulan mendokumenkan dan melaksanakan sistem untuk mengesan FFB** | Tidak berkaitan. | **D2.1 MS A**<br>Pengurus kumpulan mengekalkan data pengeluaran tahunan dan penjualan isi padu diperakui melalui Tempah dan Tuntut (BC) untuk kumpulan berdasarkan resit sebenar untuk, dan penjualan oleh, semua ahli | **D2.1 MS B**<br>Pengurus kumpulan mengekalkan data pengeluaran tahunan dan jualan isi padu diperakui melalui fizikal atau Tempah dan Tuntut (BC) untuk kumpulan berdasarkan resit sebenar dan penjualan untuk semua ahli serta 100% isi padu diperakui |



| Keperluan-keperluan Sistem Kawalan Dalaman untuk kumpulan pekebun kecil | | | |
|---|---|---|---|
| **Kriteria and Indikator** | **Kelayakan (E)** | **Milestone A (MS A)** | **Milestone B (MS B)** |
| **D – ICS: Sistem perdagangan kumpulan untuk isi padu diperakui** | | | |
| **D3**<br>**Kumpulan mempunyai prosedur dan sistem untuk pengedaran premium** | **D3.1 E**<br>Kumpulan dan pengurus kumpulan telah mencapai persetujuan tentang bagaimana premium harus digunakan dan persetujuan tersebut dicatatkan dan dimaklumkan kepada semua ahli kumpulan. Harga, premium dan waktu pembayaran premium dimaklumkan dengan jelas dan telus kepada semua ahli kumpulan. Premium yang dibayar kepada ahli-ahli di semua peringkat dicatatkan dan premium dibayar dengan cara yang mudah dan tepat pada waktunya | **D3.1 MS A**<br>Pembayaran premium, termasuk harga dan waktu pembayaran premium, kepada ahli kumpulan dicatatkan dengan jelas | Tidak berkaitan |



# 04

# PANDUAN UNTUK PENGURUS KUMPULAN DAN AHLI KUMPULAN INDIVIDU

# 1. PANDUAN

**Panduan**

**KEMAKMURAN**

**Sektor berdaya saing, berdaya tahan dan mampan.**

**Prinsip 1 – Mengoptimumkan daya pengeluaran, kecekapan, impak positif dan daya tahan**

***Melaksanakan operasi yang professional dan telus untuk menjamin penambahbaikan punca pendapatan yang lestari***

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| 1.1 E | • Mendaftarkan kumpulan secara sah<br>• Mengemukakan bukti tentang komunikasi terbuka yang tetap dengan ahli-ahli kumpulan, untuk memastikan ahli-ahli menyedari tentang semua komunikasi dan keputusan yang melibatkan kumpulan<br>• Memastikan semua ahli kumpulan terlibat dalam proses membuat keputusan, dengan mengambil kira inklusiviti jantina dan, di mana tersedia, menyenggara rekod-rekod mesyuarat dan para peserta | • Mengekalkan komunikasi yang tetap dengan Pengurus Kumpulan (GM) berkenaan keputusan dan pentadbiran serta sebarang maklumat terkini yang berhubung dengan pendaftaran entiti mereka<br>• Menyertai proses membuat keputusan<br>• Mengetahui tentang proses pendaftaran kumpulan<br>• Berhak untuk menerima salinan dokumen-dokumen dan rekod-rekod mereka daripada Pengurus Kumpulan<br>• Menunjukkan pemahaman tentang unsur-unsur utama Deklarasi Pekebun Kecil<br>• Menerima dan menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| **1.1 E** | • Menyediakan dan Menyenggara semua dokumen yang diperlukan untuk Pembentukan dan Pengurusan Kumpulan (ini akan berbeza mengikut keperluan undang-undang negara berkenaan). Menjelaskan kepada ahli-ahli bahawa setiap ahli berhak untuk menamatkan perjanjian.<br>• Membangkitkan kesedaran di kalangan ahli kumpulan tentang keperluan untuk menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil dan menjelaskan tentang kewajipan ahli kumpulan untuk mematuhi dan menjangkakan pemeriksaan kumpulan dan pengauditan luar<br>• Pengurus Kumpulan menggunakan Deklarasi Pekebun Kecil sedia ada di dalam Lampiran 2 atau membuat Deklarasi Pekebun Kecil yang baharu berdasarkan templat di dalam Lampiran 2 dengan memastikan semua komponen di dalam templat tersebut dimasukkan. | • Menunjukkan pemahaman bahawa semua soalan berkaitan dengan entiti, struktur dan pengurusan kumpulan boleh dirujuk kepada pengurus kumpulan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| 1.1 E | • Menyediakan latihan asas dalam komitmen-komitmen yang terkandung di dalam Deklarasi Pekebun Kecil<br>• Memastikan bahawa ahli-ahli kumpulan memahami dan menyedari komitmen-komitmen yang mereka harus patuhi sebelum menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil<br>• Mengumpulkan Deklarasi Pekebun Kecil yang telah ditandatangani atau dicap ibu jari daripada setiap ahli kumpulan dan menyimpannya sebagai rekod<br>• Memberikan salinan Deklarasi Pekebun Kecil yang telah ditandatangani atau dicap ibu jari kepada ahli kumpulan yang berkenaan<br>• Memaklumkan kepada ahli-ahli kumpulan bahawa semua permintaan untuk maklumat yang berkaitan dengan entiti dan pembentukan kumpulan hendaklah dirujuk kepada pengurus kumpulan | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| **1.1 MS A** | • Pengurus kumpulan mendokumenkan dan melaksanakan Sistem Kawalan Dalaman (ICS)<br>• ICS tersebut haruslah mematuhi semua keperluan seperti yang ditetapkan di bawah ICS Eligibility dan MS A<br>• Membangunkan sebuah pelan latihan kumpulan dengan milestone (penanda perkembangan) dan pelan pengurusan ladang<br>• Menyediakan latihan menurut pelan-pelan latihan dan memastikan penyertaan yang seimbang dari segi jantina<br>• Mengekalkan bukti latihan, termasuk senarai kedatangan, gambar-gambar dan bahan-bahan latihan<br>• Membantu ahli kumpulan dengan menyediakan templat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas | • Menyertai dan melengkapkan latihan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| 1.1 MS B | • Mendokumentasikan semua keputusan yang dibuat oleh kumpulan<br>• Memastikan semua keputusan yang dibuat adalah sejajar dengan tadbir urus kumpulan<br>• Mengekalkan bukti tentang komunikasi terbuka yang tetap dengan ahli-ahli kumpulan, untuk memastikan ahli-ahli sedar tentang semua keputusan yang melibatkan kumpulan<br>• Memastikan semua ahli kumpulan terlibat dalam proses membuat keputusan, dengan mengambil kira inklusiviti jantina dan, di mana tersedia, menyediakan maklumat tentang mesyuarat-mesyuarat dan para peserta<br>• Menyediakan templat untuk ahli-ahli kumpulan bagi mencatat, melapor serta menyenggara pendapatan, perbelanjaan dan pelaburan dalam amalan pengeluaran untuk pengurusan kewangan yang berkaitan dengan pengendalian ladang yang lebih baik | • Melengkapkan rekod dan mengemukakan data pengeluaran kepada GM, termasuk jumlah kawasan pengeluaran, pengeluaran bulanan, serta anggaran isipadu pengeluaran tahunan<br>• Menyenggara rekod kewangan yang berkaitan dengan operasi ladang berdasarkan panduan yang diberi oleh pengurus kumpulan, yang boleh merangkumi maklumat tentang jualan, pembelian input pertanian, dan juga lain-lain perbelanjaan yang relevan pada kumpulan<br>• Menunjukkan pemahaman tentang amalan-amalan baik berkenaan pengurusan kewangan dan data yang perlu diambil dan dicatatkan untuk tujuan menjadi sebahagian daripada kumpulan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
| --- | --- | --- |
| **Kriteria 1.1 Pekebun kecil menubuhkan entiti sah yang mempunyai keupayaan organisasi untuk mematuhi Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO.** | | |
| **1.1 MS B** | • Menyediakan panduan yang jelas kepada ahli-ahli kumpulan tentang data manakah yang perlu mereka simpan dan rekod berkenaan pengurusan kewangan mereka, sebagai relevan untuk menjual kredit peringkat kumpulan<br>• Membangunkan sebuah pelan pengurusan kewangan, yang merangkumi prestasi terkini kumpulan dan ramalan<br>• Mengkaji semula prestasi kewangan kumpulan dengan kerap untuk memastikan kelestarian kewangan kumpulan | |
| **Kriteria 1.2 Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan** | | |
| **1.2 MS A** | • GM membangunkan pelan latihan yang berterusan berdasarkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) ahli-ahli kumpulan<br>• Melatih ahli-ahli kumpulan menurut pelan latihan, termasuk rekod-rekod yang mereka perlu kekalkan berkenaan input yang digunakan dan juga hasil | • Menyertai latihan dalam perancangan perusahaan ladang<br>• Melaksanakan pelan pengurusan ladang dan menyimpan rekod pengeluaran serta input yang digunakan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.2 Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan** | | |
| 1.2 MS A | • Memastikan semua ahli kumpulan telah dilatih dan mengekalkan bukti hadir latihan (kedatangan, gambar-gambar, bahan-bahan latihan)<br>• Membangunkan templat untuk pelan pengurusan ladang dan melatih ahli-ahli kumpulan tentang penggunaan templat-templat berkenaan<br>• Pelan pengurusan ladang haruslah ringkas dan mengandungi maklumat yang diperolehi daripada sesi-sesi latihan di sini, serta memasukkan maklumat yang diperolehi daripada 1.3E tentang Amalan Pertanian yang Baik (GAP)<br>• Memastikan bahawa ahli-ahli kumpulan wanita menerima latihan yang sama dan mencukupi serta diberi peluang untuk menjelaskan sebarang ketidakpastian | • Menyimpan rekod jualan dan isipadu di bawah Kelayakan, Milestone A dan Milestone B<br>• Mematuhi semua amalan-amalan seperti di dalam amalan yang dipersetujui dan dasar-dasar kumpulan<br>• Menunjukkan pemahaman tentang latihan dan menunjukkan kebolehan untuk menyenggara input data |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.2 Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan** | | |
| **1.2 MS A** | • Melatih ahli-ahli kumpulan tentang cara untuk mendokumenkan:<br>- Pengeluaran dan jualan tandan buah segar (TBS)<br>- Input<br>- Hasil<br>• Dokumentasi untuk pengeluaran hendaklah termasuk:<br>- Invois dan resit (pembelian dan jualan)<br>- Maklumat tentang pengangkutan (iaitu nombor pendaftaran/ nombor plat)<br>- Nombor pengenalan kumpulan ahli-ahli kumpulan yang berkenaan<br>- Klasifikasi TBS yang dijual (iaitu diperakui RSPO atau tidak), isipadu TBS, dan destinasi<br>- Maklumat tentang harga TBS<br>• Salinan semua dokumentasi dan rekod-rekod untuk disimpan selama 5 tahun | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.2 Pekebun kecil mempunyai keupayaan untuk menguruskan ladang mereka dengan berkesan** | | |
| **1.2 MS B** | • Memastikan pelan pengurusan ladang dilaksanakan<br>• Memastikan rekod pengeluaran dan jualan TBS dikekalkan oleh semua ahli kumpulan<br>• Mengekalkan pengeluaran dan jualan disatukan kumpulan sekurang-kurangnya secara suku tahunan<br>• Memastikan jualan kredit dan jualan TBS kumpulan dilaporkan di dalam platform IT RSPO | • Melaksanakan pelan pengurusan ladang yang diluluskan<br>• (Seperti di dalam 1.1 MS B) Melengkapkan rekod-rekod dan mengemukakan data pengeluaran kepada GM, termasuk jumlah kawasan pengeluaran, pengeluaran bulanan, dan anggaran isipadu pengeluaran tahunan<br>• Menunjukkan pemahaman tentang amalan-amalan yang dipersetujui dan jenis rekod-rekod berkenaan komitmen dan pengurusan kumpulan yang perlu disimpan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.3 Pekebun kecil melaksanakan Amalan Pertanian yang Baik (GAP) di ladang-ladang mereka** | | |
| **1.3 E** | • Memastikan ahli-ahli kumpulan memahami keperluan melaksanakan GAP seperti yang dinyatakan di dalam Deklarasi Pekebun Kecil | • Menunjukkan pemahaman yang baik tentang komitmen untuk melaksanakan GAP |
| **1.3 MS A** | • Memasukkan GAP ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Memastikan pelan latihan dilaksanakan seperti yang dijadualkan<br>• Memaklumkan kepada ahli-ahli kumpulan tentang sebarang GAP baharu yang tersedia, dan memasukkan perkara yang sama ke dalam pelan latihan<br>• Memastikan semua ahli-ahli telah dilatih tentang GAP | • Menyertai latihan dalam GAP dan menunjukkan kesedaran tentang GAP<br>• Memperbaiki amalan-amalan secara berterusan, berdasarkan sebarang GAP baharu yang tersedia |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 1.3 Pekebun kecil melaksanakan Amalan Pertanian yang Baik (GAP) di ladang-ladang mereka** | | |
| 1.3 MS B | • Mengesahkan yang GAP difahami dan dilaksanakan oleh ahli-ahli kumpulan<br>• Mengawasi dan mengkaji semula keberkesanan latihan GAP, mengubahsuai pelan-pelan sewajarnya, seperti yang diperlukan, ke arah mengekalkan pensijilan dan penambahbaikan dalam pengeluaran<br>• Menyenggara rekod-rekod pembelian produk-produk yang diperakui dan jumlah TBS semua ahli-ahli | • Melaksanakan GAP di ladang-ladang dan memberikan maklum balas kepada GM tentang amalan-amalan yang tidak boleh dilaksanakan di ladang<br>• Menyenggara rekod seperti yang diperlukan dan ditentukan oleh GM untuk menunjukkan impak<br>• Menyenggara rekod-rekod invois pembelian dan slip pembayaran yang berkaitan dengan jumlah TBS Kelayakan, Milestone A dan Milestone B<br>• Menyenggara rekod-rekod hasil (ladang) |

## PANDUAN

### KEMANUSIAAN

**Kelestarian punca pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Hak asasi manusia dilindungi, dihormati dan diperbaiki**

**Prinsip 2 – Memastikan Kesahan, Hak Tanah Dihormati dan Kesejahteraan Komuniti**

***Mematuhi undang-undang dan menghormati hak-hak komuniti***

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.1 Pekebun kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, serta amalan-amalan lazim** | | |
| **2.1 E** | • Mengumpulkan maklumat daripada semua ahli kumpulan berkenaan koordinat, lokasi, peta, dan/atau sempadan plot mereka, termasuk plot-plot yang berada di luar kumpulan, di dalam daerah atau wilayah lain; dan termasuk plot-plot yang tidak ditanam dengan apa-apa buat masa ini.<br>• Aplikasi HCV-HCS RSPO boleh digunakan untuk memeta sempadan plot-plot pekebun kecil. Sistem lain untuk pemetaan GPS juga boleh digunakan, tetapi hasil-hasilnya hendaklah diberikan dalam bentuk 'shapefile' yang menunjukkan sempadan plot-plot untuk setiap ahli kumpulan | • Menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil dan berkongsi lokasi kesemua plot kelapa sawit yang dimiliki atau dirancang untuk penanaman kelapa sawit baharu<br>• Memberikan koordinat plot-plot, atau 'shapefile' yang telah dipeta secara rasmi, atau lain-lain data geospatial yang boleh diterima<br>• Memberikan maklumat kepada GM berkenaan semua plot yang dimiliki dan/atau dengan hak yang sah untuk pengusahaan tanaman, termasuk plot-plot yang berada di luar kumpulan, dalam daerah atau wilayah lain; dan termasuk plot-plot yang tidak ditanam dengan apa-apa buat masa ini |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.1 Pekebun kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, serta amalan-amalan lazim** | | |
| 2.1 E | • Melatih ahli-ahli kumpulan tentang penggunaan aplikasi HCV-HCS supaya mereka boleh membantu mengumpulkan data daripada semua ahli kumpulan<br>• Menyokong pekebun-pekebun kecil yang berminat dalam mempelajari cara memeta plot-plot dan sempadan-sempadan mereka. Jika sempadan-sempadan sudah pun dipeta, kaji semula penemuan mereka menggunakan aplikasi HCV-HCS atau sumber lain yang diperakui oleh RSPO.<br>• Mengumpulkan maklumat tentang bukti pemilikan atau hak-hak untuk menggunakan tanah. Pemilikan atau hak untuk menggunakan tanah boleh dibuktikan melalui hak yang sah atau lazim, atau melalui bentuk lain yang boleh diterima oleh undang-undang setempat | • Memaklumkan kepada GM tentang sebarang peluasan atau pemerolehan plot baharu tidak kira sama ada plot-plot tersebut adalah penanaman kelapa sawit sedia ada atau plot-plot yang dirancang untuk pertukaran ke kelapa sawit<br>• Menyertai latihan berkenaan aplikasi HCV dan menggunakan fungsi pemetaannya, jika diperlukan<br>• Data dan sempadan-sempadan hendaklah tersedia untuk setiap plot yang dimiliki ahli kumpulan, yang ditanam dengan kelapa sawit dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada pensijilan kumpulan<br>• Mengemukakan bukti pemilikan dan/atau hak yang sah atau lazim untuk mengusahakan plot-plot tersebut, melalui cara-cara yang boleh diterima |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
| --- | --- | --- |
| **Kriteria 2.1 Pekebun kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, serta amalan-amalan lazim** | | |
| **2.1 MS A** | • Mengekalkan daftar pemegangan tanah semua ahli kumpulan dengan maklumat berkenaan lokasi plot-plot<br>• Peta-peta menunjukkan sempadan-sempadan yang sah<br>- Bukti hak lazim atau hak asli untuk menggunakan tanah, ATAU<br>- Bukti pemilikan tanah yang sah<br>- Jika ada, kekalkan daftar hak/hak milik tanah termasuk salinan foto hak-hak atau rujukan kadaster<br>• Jika pengesahan hak untuk menggunakan tanah sedang di dalam proses, kekalkan dokumentasi yang berkaitan untuk menunjukkan yang proses tersebut masih berjalan<br>• Amalan setempat boleh digunakan untuk menunjukkan hak asli atau lazim ke atas tanah. Ia hendaklah termasuk rujukan kepada amalan-amalan setempat berkenaan | • Memaklumkan kepada GM dengan segera jika sebarang kes pertikaian tanah timbul. Mengemukakan kepada GM bukti proses sewajarnya dalam kes-kes seperti itu |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.1 Pekebun kecil mempunyai hak yang lazim atau sah untuk menggunakan tanah menurut undang-undang tempatan dan negara, serta amalan-amalan lazim** | | |
| 2.1 MS B | • Memastikan semua ahli kumpulan beroperasi di dalam sempadan plot-plot mereka dan tiada penanaman/peluasan baharu di luar sempadan-sempadan yang dimaklumkan sebelum ini<br>• Untuk plot-plot yang dimiliki dan termasuk dalam pensijilan kumpulan, pastikan sempadan-sempadan ditandakan dengan nyata dan jelas<br>• Penandaan boleh merangkumi cat/pen penanda di kelapa sawit di sepanjang sempadan plot, atau batu/penanda sempadan, atau lain-lain bentuk penandaan plot yang boleh diterima oleh undang-undang setempat | • Menandakan sempadan-sempadan plot dengan mengecat/menanda kelapa sawit di sepanjang sempadan, atau batu/penanda sempadan, atau lain-lain bentuk penandaan plot yang boleh diterima oleh undang-undang setempat<br>• Memastikan anda tidak beroperasi di luar sempadan plot-plot yang telah dipetakan di Kelayakan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.2 Pekebun kecil tidak memperolehi tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa Keizinan berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (FPIC), berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | | |
| **2.2 E**<br><br>**MS A dan MS B sama seperti Kelayakan** | • Meminta ahli-ahli kumpulan untuk memberikan maklumat tentang bagaimana mereka memperolehi tanah mereka dan jika terdapat sebarang perundingan dibuat sebelumnya dengan pihak berkepentingan yang berminat/berkaitan<br>• Berunding dengan pihak berkepentingan yang berkaitan tentang hak tanah untuk memastikan bahawa semua tanah di dalam kumpulan dimiliki dan/atau dikendalikan dengan FPIC daripada komuniti dalam landskap berkenaan. Perundingan boleh dibuat oleh GM atau pihak ketiga bebas yang dilantik oleh GM<br>• Pihak berkepentingan boleh termasuk dan tidak terhad kepada ahli-ahli komuniti setempat, komuniti-komuniti sekitar plot, kerajaan tempatan tanah, jabatan sumber asli dan/atau pertanian, NGO dan pejuang hak asasi manusia<br>• Memastikan tiada pertikaian tanah | • Mengemukakan bukti bahawa tanah telah diperolehi dengan FPIC. Ini boleh dikemukakan dalam bentuk perhubungan atau persetujuan daripada dalam komuniti/komuniti sekitar, atau rekod sah yang rasmi<br>• Jika terdapat pertikaian, memberikan maklumat tentang sifat dan jenis pertikaian serta memastikan pertikaian tidak terjadi akibat ketiadaan proses FPIC |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.3 Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain** | | |
| **Panduan Umum**<br>• Perjanjian hendaklah ditulis dan ditandatangani oleh semua pihak yang terlibat, sebagai hasil yang berkekalan daripada sebarang perundingan untuk menyelesaikan konflik tentang hak tanah. Perjanjian sepertinya boleh termasuk langkah-langkah bagi perkongsian faedah.<br>• Perjanjian hendaklah didaftarkan dengan pihak berkuasa tempatan yang cekap untuk membolehkan pengesahan mereka di dalam undang-undang, serta untuk mengelakkan berulangnya konflik yang sama. | | |
| **2.3 E** | • Mengumpulkan maklumat daripada setiap ahli kumpulan berkenaan pengetahuan mereka tentang pertikaian tanah sedia ada dan sifat pertikaian<br>• Memeriksa jika ahli kumpulan individu memberikan maklumat berkenaan pertikaian tanah sebagai sebahagian daripada Deklarasi Pekebun Kecil mereka yang telah ditandatangani<br>• Menyenggara rekod perkembangan proses penyelesaian pertikaian dan status terkini pertikaian tersebut<br>• Memeriksa dengan pegawai tanah jika terdapat sebarang sekatan/kaveat ke atas plot-plot tanah | • Mengisytiharkan sebarang pertikaian sedia ada ke atas plot, sifat pertikaian, dan proses penyelesaian sewajarnya<br>• Memaklumkan kepada GM apabila timbulnya pertikaian. Kerap memaklumkan tentang perkembangan terkini penyelesaian pertikaian<br>• Turut serta dalam sebarang proses pemetaan berpenglibatan seperti yang diaturkan oleh GM<br>• Memberikan kepada GM butiran tentang sebarang dan semua perjanjian yang dibuat dengan pihak ketiga yang berkaitan dengan penggunaan dan hak tanah |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.3 Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain** | | |
| **2.3 MS A** | • Memberikan panduan kepada ahli kumpulan tentang undang-undang lazim dan berkanun yang berkaitan, yang berhubung dengan pemegangan tanah untuk lokasi berkenaan. Apabila perlu, aturkan pemetaan bersama dengan semua ahli kumpulan<br>• Menyenggara log/rekod tentang sebarang konflik dan proses penyelesaian yang melibatkan ahli kumpulan<br>• Menyedari dan merujuk kepada sumber-sumber berkaitan seperti mana perlu untuk memahami sejarah sebarang pertikaian tanah di kawasan yang berkenaan | • Mematuhi mekanisme penyelesaian konflik seperti yang dicadangkan oleh GM<br>• Mengemukakan hasil carian tanah (atau lain-lain dokumentasi yang sama) yang menunjukkan bahawa tanah tersebut bebas daripada sebarang sekatan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.3 Hak untuk menggunakan tanah tidak dipertikaikan oleh masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain** | | |
| **2.3 MS A** | • Menilai pematuhan ahli-ahli kumpulan terhadap syarat-syarat sebarang perjanjian yang dibuat dengan komuniti setempat berkenaan penggunaan tanah dan hak akses. Sekiranya terdapat konflik, tunjukkan kepada pekebun kecil alatan-alatan/sumber-sumber yang relevan untuk membantu dalam pengurusan dan penyelesaian konflik, dengan menggunakan sokongan daripada CSO dan agensi kerajaan yang bersesuaian | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.4 Plot pekebun kecil terletak di luar kawasan yang diklasifikasikan sebagai taman negara atau kawasan lindungan, seperti yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan, wilayah atau negara, atau seperti yang dinyatakan dalam Interpretasi Nasional** | | |
| **2.4 E** | • Mengkaji semula peta-peta plot pekebun kecil dan membandingkannya dengan peta-peta/ lokasi-lokasi kawasan lindungan menggunakan aplikasi HCV-HCS atau berdasarkan maklumat yang boleh didapati di dalam rekod-rekod kerajaan<br>• Bagi plot-plot yang terletak berhampiran dengan kawasan lindungan atau taman negara yang diklasifikasikan, melakukan lawatan tapak dan mengesahkan dengan NGO dan/atau kerajaan bahawa plot-plot tersebut tidak berada di dalam kawasan lindungan atau zon penimbal | • Rujuk 2.1 E<br>• Menandakan sempadan plot-plot, dan menunjukkan bahawa plot-plot berkenaan berada di luar kawasan lindungan atau taman negara<br>• Membenarkan lawatan tapak oleh GM dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk pengesahan lokasi |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Bagi penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperolehi sebarang tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna yang lain, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | | |
| **2.5 E** | • Memasukkan maklumat yang diperlukan untuk penanaman baharu oleh ahli-ahli kumpulan ke dalam undang-undang kecil dan peraturan kumpulan.<br>• Memastikan kenyataan-kenyataan pekebun kecil ditandatangani oleh ahli-ahli kumpulan dan dikekalkan di bawah rekod-rekod kumpulan<br>• Memastikan ahli-ahli mengisytiharkan niat untuk membersihkan atau rancangan untuk memperolehi plot-plot baharu. Memastikan FPIC dilaksanakan<br>• Semua unsur-unsur FPIC hendaklah diselesaikan, iaitu bebas (= tanpa sebarang paksaan), makluman awal (= sebelum sebarang pembangunan dibuat), telus (= memberikan semua maklumat yang berkaitan dalam bentuk dan bahasa yang bersesuaian), dan keizinan (= berhak untuk mengatakan tidak) | • Rujuk kepada 2.1 E<br>• Memahami dan melaksanakan FPIC apabila membersihkan dan/atau memperolehi plot-plot baharu<br>• Memaklumkan kepada GM tentang peluasan, pemerolehan atau niat untuk meluaskan, memperolehi atau membersihkan plot-plot baharu<br>• Melaksanakan, menyokong dan turut serta dalam pendekatan FPIC yang dipermudahkan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Bagi penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperolehi sebarang tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna yang lain, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | | |
| **2.5 E** | • Bersedia untuk menunjukkan kepada pihak ketiga bahawa proses FPIC berkenaan mengikut kepuasan komuniti. Peta-peta akan diperlukan tetapi tidak mencukupi untuk tujuan ini<br>• GM hendaklah:<br>- Menyenggara rekod-rekod semua mesyuarat dan para hadirin- mendapatkan tandatangan atau cap ibu jari sebagai bukti kedatangan<br>- Meminta izin sebelum mengambil gambar | |
| **2.5 MS A** | • Memasukkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan ke dalam pelan latihan kumpulan dan menguruskan penyampaian latihan itu sendiri<br>• Memastikan pelan latihan dilaksanakan seperti yang dijadualkan untuk semua ahli kumpulan | • Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Melaksanakan proses FPIC sebelum memperolehi atau membersihkan tanah dan mengekalkan bukti proses tersebut |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 2.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Bagi penanaman baharu, pekebun kecil tidak membersihkan atau memperolehi sebarang tanah tanpa mendapatkan FPIC daripada masyarakat orang asli dan/atau komuniti tempatan dan/atau pengguna yang lain, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan** | | |
| **2.5 MS A** | | • Semua unsur-unsur FPIC hendaklah diselesaikan, iaitu bebas (= tanpa sebarang paksaan), makluman awal (= sebelum sebarang pembangunan), telus (= memberikan semua maklumat yang berkaitan dalam bentuk dan bahasa yang bersesuaian), dan keizinan (= berhak untuk mengatakan tidak) |
| **2.5 MS B** | • Menyokong ahli-ahli dan memastikan bahawa mereka menjalankan pemetaan berpenglibatan untuk sebarang hak kepada pemegangan, akses dan penggunaan sumber-sumber asli yang dituntut oleh komuniti berhampiran<br>• Membina pelan untuk menguruskan pembangunan kelapa sawit baharu dengan pihak berkepentingan yang terlibat | • Berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan, seperti di dalam latihan di bawah 2.5 MS A, menjalankan pemetaan berpenglibatan dengan sokongan GM<br>• Menyertai rancangan bersama untuk menguruskan pembangunan kelapa sawit baharu dengan pihak berkepentingan yang terlibat |

## PANDUAN

### KEMANUSIAAN

**Kelestarian punca pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan. Hak asasi manusia dilindungi, dihormati dan diperbaiki**

**Prinsip 3 – Menghormati hak asasi manusia, termasuk hak dan kebajikan pekerja**

***Menjaga hak asasi manusia dan melindungi hak pekerja, memastikan keadaan kerja yang selamat dan memuaskan***

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.1 Tiada penggunaan buruh paksa** | | |
| 3.1 E | • Memasukkan kesedaran tentang buruh paksa ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Memastikan semua ahli kumpulan menyedari keperluan undang-undang dan keperluan standard yang berkaitan dengan buruh paksa serta berupaya mentafsirkannya ke dalam operasi mereka;<br>• Mengumpulkan maklumat tentang sumber buruh untuk ahli-ahli kumpulan, termasuk pekerja yang diambil dan diuruskan secara langsung, atau diuruskan melalui pihak ketiga (contohnya kontraktor) | • Menyertai latihan dalam memahami apa yang dimaksudkan dengan buruh paksa<br>• Memberikan maklumat tentang bilangan pekerja, jenis pekerja dan tugas mereka (menuai, mengutip buah yang terlerai, merumput, dll.). Menyatakan bilangan pekerja lelaki dan wanita, pekerja berkeluarga, dan jika ada ahli keluarga yang bekerja di ladang<br>• Kerap memaklumkan kepada GM tentang bilangan dan jenis pekerja, apabila diperlukan, dan apabila ada pusing ganti pekerja<br>• Memberikan maklumat tentang sifat pengambilan mereka, contohnya sambilan, penugasan keluar kontraktor pihak ketiga, tetap, dll. |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.1 Tiada penggunaan buruh paksa** | | |
| 3.1 E | | • Menunjukkan pemahaman tentang apa yang dimaksudkan dengan buruh paksa dan menandatangani/ menurunkan cap ibu jari sebagai menyatakan komitmen untuk tidak menggunakan buruh paksa di dalam sebarang operasi |
| 3.1 MS A<br>3.1 MS B | • Memasukkan amalan-amalan Buruh yang Adil ke dalam pelan latihan kumpulan termasuk amalan-amalan yang dilarang seperti yang tersenarai dan memastikan pelaksanaannya<br>• Memastikan ahli-ahli kumpulan memahami maksud buruh paksa dan bentuk-bentuk buruh paksa<br>• Memastikan sokongan dan komitmen semua ahli kumpulan dalam mematuhi kriteria ini | • Menyertai latihan dalam amalan-amalan buruh yang adil<br>• Pekebun kecil yang mengambil pekerja, memahami keperluan untuk buruh yang adil dan bebas, termasuk bahawa para pekerja dan keluarga mereka di ladang haruslah:<br>- Mempunyai akses bebas kepada dokumen pengenalan atau pasport mereka<br>- Tidak dikenakan sebarang bayaran untuk diambil bekerja<br>- Memahami syarat-syarat pekerjaan<br>- Bebas untuk berhenti kerja jika mereka mahu |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.1 Tiada penggunaan buruh paksa** | | |
| **3.1 MS A**<br><br>**3.1 MS B** | • Menyenggara rekod-rekod bagi pihak semua ahli-ahli tentang penggunaan pekerja yang diambil mereka, sama ada:<br>- Diambil secara langsung atau melalui kontraktor/ agen<br>- Secara sambilan atau tetap<br>• Rekod-rekod ini hendaklah termasuk maklumat berkenaan:<br>- Bagaimana buruh diambil atau kontraktor ditempah<br>- Asas bayaran- mengikut kadar kerja atau harian<br>• Persetujuan tentang kerja lebih masa, jika ada, hendaklah mengikut masa yang dibenarkan dari segi undang-undang<br>• Mencatatkan sebarang aduan atau kes ketidakpatuhan yang timbul dan menyiasat sumber aduan | - Bebas untuk membentuk persatuan atau menyertai persatuan sedia ada yang berkaitan dengan pertubuhan buruh<br>- Tidak terpaksa untuk terus bekerja disebabkan hutang yang belum dijelaskan atau gaji yang ditahan<br>- Berhak menerima gaji mereka tepat pada waktunya<br>• Dalam kes di mana pekerja diuruskan melalui pihak ketiga, seperti kontraktor, ahli kumpulan haruslah memastikan bahawa perkara-perkara di atas juga diikuti oleh pihak ketiga tersebut.<br>- Memahami dan memasukkan sebarang dasar kumpulan tentang buruh dalam keseluruhan operasi, termasuk dengan para pekerja dan kontraktor pihak ketiga<br>- Memastikan pelaksanaan mekanisme ketidakpuasan hati seperti di dalam 3.4 E dan 3.4 MS A |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.1 Tiada penggunaan buruh paksa** | | |
| **3.1 MS A**<br><br>**3.1 MS B** | • Pengurus kumpulan boleh mendraf satu dasar kumpulan tentang penggunaan buruh oleh ahli-ahli kumpulan, yang merangkumi semua kriteria yang berkaitan dengan buruh, temasuk indikator-indikator<br>• Merangkumi 3.1, 3.2, 3.3, 3.4, 3.5, dan 3.6, dan hendaklah memastikan sokongan dan komitmen semua ahli kumpulan untuk mematuhi dasar ini<br>• GM boleh menggunakan templat-templat untuk mencatatkan maklumat berkaitan buruh seperti di dalam keperluan<br>• GM membangunkan mekanisme ketidakpuasan hati yang dipermudahkan untuk menguruskan aduan-aduan seperti di dalam 3.4 E dan 3.4 MS A | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.2 Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploit. Kanak-kanak hanya dibenarkan bekerja di atas ladang milik keluarga, di bawah pengawasan orang dewasa dan jika tidak mengganggu program pendidikan. Kanak-kanak tidak terdedah kepada keadaan kerja yang berbahaya.** | | |
| **Panduan Umum**<br>• Kanak-kanak hanya boleh bekerja di bawah pengawasan orang dewasa dan tidak melakukan kerja berbahaya.<br>• Kanak-kanak hanya boleh bekerja di ladang semasa cuti sekolah, di luar waktu sekolah, jika mereka merupakan ahli keluarga, di bawah pengawasan dan jika mereka hanya melakukan kerja yang tidak berbahaya<br>• Di mana undang-undang tempatan mengenakan sekatan yang lebih ketat ke atas pengambilan individu berusia bawah 18 tahun daripada yang ditetapkan oleh Konvensyen ILO, pematuhan terhadap undang-undang tempatan haruslah dipastikan<br>• Hak kanak-kanak difahami oleh semua ahli dan GM, dan usaha-usaha telah diambil untuk mengekalkan(kefahaman) dan mempertingkatkannya (Rujuk Panduan tentang Hak Kanak-Kanak RSPO) | | |
| **3.2 E** | • Memastikan semua ahli kumpulan menyedari keperluan standard dan berupaya mentafsirkannya ke dalam operasi mereka<br>• Menjelaskan syarat-syarat yang membenarkan individu berusia bawah 18 tahun bekerja di ladang pekebun kecil dan memastikan ahli-ahli mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang keperluan umur yang sah untuk wilayah berkenaan | • Menandatangani komitmen untuk tidak menggunakan buruh kanak-kanak<br>• Memastikan bahawa jika kanak-kanak bekerja di ladang, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi:<br>- Kanak-kanak tersebut berada di bawah pengawasan orang dewasa<br>- Kanak-kanak tersebut tidak melakukan sebarang kerja berbahaya<br>- Kerja tersebut tidak mengganggu persekolahan kanak-kanak tersebut |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.2 Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploit. Kanak-kanak hanya dibenarkan bekerja di atas ladang milik keluarga, di bawah pengawasan orang dewasa dan jika tidak mengganggu program pendidikan. Kanak-kanak tidak terdedah kepada keadaan kerja yang berbahaya.** | | |
| **3.2 E** | • Memastikan sokongan dan komitmen semua ahli kumpulan untuk mematuhi kriteria ini<br>• GM boleh memasukkan panduan asas/pengenalan tentang buruh kanak-kanak yang dibenarkan dan buruh kanak-kanak yang tidak dibenarkan ke dalam keseluruhan latihan dan dasar buruh kumpulan seperti di dalam 3.1 MS A | - Kerja yang dibuat tidak membahayakan kesihatan kanak-kanak tersebut<br>• Memastikan bahawa komitmen-komitmen ini dipatuhi dalam kes pekerja yang diuruskan oleh pihak ketiga, contohnya kontraktor<br>• Menyertai latihan dan pelaksanaan dasar seperti di dalam 3.1 MS A |
| **3.2 MS A** | • Memasukkan maklumat tentang hak kanak-kanak ke dalam pelan latihan kumpulan dan menguruskan penyampaian latihan tersebut; memastikan latihan dilaksanakan tepat pada waktunya<br>• Mengesahkan pemahaman ahli-ahli kumpulan tentang apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan berkenaan kanak-kanak bekerja di ladang | • Menyertai latihan dalam buruh kanak-kanak dan hak kanak-kanak<br>• Menunjukkan pemahaman tentang umur minimum kanak-kanak dan syarat-syarat yang membenarkan dan tidak membenarkan kanak-kanak bekerja di ladang dan di ladang milik keluarga<br>• Memastikan kanak-kanak yang bekerja di ladang mematuhi jenis-jenis kerja yang dibenarkan, dan hak kanak-kanak dikekalkan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
| --- | --- | --- |
| **Kriteria 3.2 Kanak-kanak tidak diambil bekerja atau dieksploit. Kanak-kanak hanya dibenarkan bekerja di atas ladang milik keluarga, di bawah pengawasan orang dewasa dan jika tidak mengganggu program pendidikan. Kanak-kanak tidak terdedah kepada keadaan kerja yang berbahaya.** | | |
| | • Keutamaan untuk pemeriksaan penilaian diri, termasuk memeriksa yang kanak-kanak di ladang milik keluarga atau bekerja di ladang menghadiri sekolah | • Memastikan bahawa kerja tersebut tidak mengganggu persekolahan pekerja dan ianya tidak membahayakan kanak-kanak yang bekerja di ladang milik keluarga dari segi mental atau fizikal |
| **3.2 MS B** | • Melakukan pemeriksaan berkenaan bukti pematuhan keperluan umur minimum<br>• Memeriksa dengan segera sebarang laporan ketidakpatuhan terhadap kriteria ini, dan mengambil tindakan sewajarnya untuk segera memulihkan sebarang kejadian ketidakpatuhan yang terbukti<br>• Menyenggara rekod ketidakpatuhan | • Memeriksa umur pekerja dan memastikan keperluan umur minimum dipatuhi<br>• Turut serta dalam tindakan pembetulan dan pemulihan jika ketidakpatuhan ditemui, dengan sokongan daripada GM |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.3 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU** **Gaji pekerja mematuhi keperluan minimum yang sah, standard industri yang diwajibkan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang negara atau perundingan kolektif, mengikut yang mana diberi keutamaan dalam peraturan tempatan** | | |
| **3.3 E** | • Memastikan ahli-ahli kumpulan memahami dan menyedari gaji minimum yang sah<br>• Memasukkan gaji minimum, keperluan undang-undang dan/atau standard industri yang diwajibkan ke dalam pelan latihan kumpulan<br>• Membangkitkan kesedaran ahli-ahli kumpulan bahawa gaji minimum yang sah harus dipenuhi<br>• Membangkitkan kesedaran di kalangan ahli-ahli kumpulan tentang gaji minimum sah sedia ada. Contohnya, dalam kes mengikut kadar kerja atau kerja bermusim | • Menyertai dan melengkapkan latihan untuk memahami undang-undang negara yang menentukan sama ada seseorang pekerja itu sambilan, bermusim atau tetap<br>• Boleh menunjukkan pengetahuan tentang keperluan minimum yang sah berkenaan gaji dan bayaran minimum. |
| **3.3 MS A** | • Memastikan semua ahli kumpulan menyedari keperluan untuk mendokumenkan bayaran kepada pekerja-pekerja<br>• Memasukkan kadar bayaran ke dalam rekod-rekod seperti di dalam 3.1 MS A<br>• Merujuk ahli-ahli kepada dasar kumpulan dan menyediakan latihan | • Mematuhi undang-undang/ panduan tentang bayaran gaji minimum<br>• Membayar pekerja menurut gaji minimum seperti yang ditentukan oleh undang-undang negara |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.3 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Gaji pekerja mematuhi keperluan minimum yang sah, standard industri yang diwajibkan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang negara atau perundingan kolektif, mengikut yang mana diberi keutamaan dalam peraturan tempatan** | | |
| **3.3 MS A** | • Mengumpul dan menyenggara rekod bagi pihak semua ahli berkenaan penggunaan buruh yang diambil bekerja, yang termasuk rekod bayaran dan asas pembayaran- mengikut kadar kerja atau kadar harian<br>• Menggunakan proses mekanisme ketidakpuasan hati apabila perlu seperti di dalam 3.4 E and 3.4 MS A | • Menyimpan rekod para pekerja, jenis pekerja, berapa bayarannya, untuk apa, dan bagaimana mereka dibayar<br>• Memastikan pelaksanaan dasar kumpulan dan penyertaan dalam latihan yang ditawarkan oleh GM<br>• Memastikan pelaksanaan mekanisme ketidakpuasan hati seperti di dalam 3.4 E dan 3.4 MS A |
| **3.3 MS B** | • Memastikan semua ahli kumpulan menyedari keperluan standard dalam hal ini dan berupaya mentafsirkannya ke dalam operasi mereka sendiri<br>• Menyenggara rekod-rekod seperti di dalam 3.1 MS A dan 3.3 MS A<br>• Bagi tujuan pemeriksaan pematuhan, bayaran mengikut kadar kerja hendaklah ditukarkan bersamaan dengan kadar harian<br>• Menggunakan proses mekanisme ketidakpuasan hati apabila perlu | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.4 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU** **Para pekerja memahami hak dan kebebasan mereka untuk melaporkan aduan/ ketidakpuasan hati mereka kepada pengurus kumpulan atau pihak ketiga yang berkaitan, termasuk RSPO** | | |
| **3.4 E** | • Memastikan ahli-ahli kumpulan memahami komitmen ini | • Komited kepada keperluan menghormati hak pekerja memfailkan aduan dan ketidakpuasan hati |
| **3.4 MS A** | • Memasukkan hak-hak pekerja dan mekanisme ketidakpuasan hati ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Memastikan latihan tersedia dan disampaikan kepada semua ahli kumpulan | • Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Menerangkan kepada semua pekerja cara untuk memfailkan aduan, dengan siapa dan cara menghubungi GM tentang sebarang kebimbangan yang mereka ada<br>• Memanjangkan proses memfailkan aduan dan mekanisme ketidakpuasan hati kepada pihak ketiga yang menguruskan pekerja, contohnya kontraktor |
| **3.4 MS B** | • Memastikan semua ahli menyedari keperluan-keperluan indikator ini dan berupaya untuk mentafsirkannya ke dalam operasi mereka sendiri dan untuk pekerja-pekerja mereka | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
| --- | --- | --- |
| **Kriteria 3.5 Keadaan kerja dan kemudahan di tempat kerja adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum yang sah** | | |
| **3.5 E** | • Memastikan ahli-ahli kumpulan memahami komitmen ini<br>• Membantu ahli-ahli untuk mengenal pasti kerja berbahaya dan/atau kerja yang mempunyai risiko kesihatan dan keselamatan yang tinggi | • Komited kepada keperluan ini<br>• Mengenal pasti dan menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang berbahaya atau mempunyai risiko kesihatan dan keselamatan yang tinggi |
| **3.5 MS A** | • Memasukkan perihal kesihatan dan keselamatan, serta keadaan kerja ke dalam pelan latihan kumpulan<br>• Risiko kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan kerja ladang hendaklah dikenal pasti sebelum latihan diberikan<br>• Memasukkan perihal kesihatan, keselamatan dan keadaan kerja ke dalam keseluruhan dasar kumpulan tentang buruh | • Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Membangkitkan kesedaran dan melatih semua pekerja serta keluarga mereka di ladang berkenaan perihal kesihatan dan keselamatan, prosedur kesihatan dan keselamatan kumpulan, serta memastikan akses kepada bekalan pertolongan cemas yang asas<br>• Menyimpan rekod-rekod latihan dan memberinya kepada GM<br>• Mengenal pasti dan menandakan dengan jelas potensi bahaya dengan tanda keselamatan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.5 Keadaan kerja dan kemudahan di tempat kerja adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum yang sah** | | |
| **3.5 MS A** | • Menyediakan latihan untuk memastikan semua ahli kumpulan menyedari risiko-risiko utama berkenaan keadaan kerja di ladang pekebun kecil dan memasukkan langkah-langkah untuk memastikan kesihatan dan keselamatan para pekerja yang diambil oleh ahli-ahli kumpulan<br>• Latihan juga hendaklah memastikan semua pekerja mengetahui tentang prosedur-prosedur kesihatan dan keselamatan pada peringkat kumpulan dan mempunyai akses kepada bekalan pertolongan cemas yang asas | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.5 Keadaan kerja dan kemudahan di tempat kerja adalah selamat dan memenuhi keperluan minimum yang sah** | | |
| **3.5 MS B** | • Memasukkan penyediaan kemudahan-kemudahan yang mencukupi di mana berkenaan ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaannya<br>• Menggalakkan ahli-ahli kumpulan melaporkan kemalangan di ladang mereka dan mencatatkan semua kemalangan yang dilaporkan<br>• Mengkaji semula rekod-rekod kemalangan secara berkala dan menyokong tindakan oleh ahli-ahli kumpulan untuk mengenal pasti dan menangani sebarang risiko yang muncul daripada kajian tersebut<br>• Memasukkan penyediaan kemudahan-kemudahan yang mencukupi ke dalam keseluruhan dasar kumpulan tentang buruh | • Mewujudkan satu prosedur tindakan sekiranya berlaku penyakit atau kecederaan yang serius, termasuk ketersediaan kemudahan atau doktor profesional<br>• Memastikan para pekerja mempunyai akses kepada kemudahan yang mencukupi<br>• Menyenaraikan jenis-jenis kerja yang dikira sebagai mempunyai risiko kesihatan dan keselamatan yang tinggi<br>• Memastikan keperluan-keperluan berkenaan kemudahan difahami dan dipenuhi oleh pihak ketiga yang menguruskan pekerja, contohnya kontraktor |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 3.6 Adakah terdapat pekerja di ladang? Jika tiada, LANGKAU** <br> **Tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang** | | |
| **3.6 E** | • Menerangkan tentang konsep diskriminasi, gangguan dan penganiayaan kepada ahli-ahli kumpulan dan memastikan mereka memahami apakah maksudnya untuk komited kepadanya<br>• Diskriminasi termasuk sebarang pembezaan, penyisihan atau pengutamaan yang mempunyai kesan negatif ke atas kesamaan. Contohnya, disebabkan pengutamaan yang diberi berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, agama, pendapat politik, asal-usul kebangsaan, atau asal-usul sosial | • Memahami dan komited kepada keperluan ini |
| **3.6 MS A**<br>**3.6 MS B** | • Memasukkan kesedaran tentang diskriminasi, gangguan dan penganiayaan ke dalam pelan latihan kumpulan<br>• Menguruskan penyampaian latihan itu sendiri<br>• Mengenali populasi rentan (wanita, kanak-kanak dan masyarakat orang asli) yang berkemungkinan menjadi sasaran diskriminasi/ gangguan/penganiayaan | • Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Memastikan keperluan-keperluan berkenaan diskriminasi, gangguan dan penganiayaan difahami dan dipenuhi oleh pihak ketiga yang menguruskan pekerja, contohnya kontraktor |

## Panduan

**PLANET**

**Ekosistem yang dipulihara, dilindungi dan diperbaiki yang membekali generasi seterusnya**

### Prinsip 4 – Melindungi, memelihara dan memperbaiki ekosistem dan alam sekitar

***Melindungi alam sekitar, memelihara biodiversiti, memperbaiki ekosistem dan memastikan pengurusan sumber asli yang mampan***

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.1 Nilai Konservasi Tinggi (HCV) di atas plot pekebun kecil atau di dalam kawasan yang diuruskan, serta kawasan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang dikenal pasti selepas November 2019 menggunakan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dpermudahkan, diuruskan untuk memastikan ianya dikekalkan dan/atau diperbaiki** | | |
| **4.1 E** | • Menerangkan tentang konsep kawasan HCV, hutan HCS dan amalan-amalan berjaga-jaga<br>• Memastikan ahli-ahli memahami dan mematuhi keperluan ini | • Mematuhi keperluan ini<br>• Seperti di dalam 2.1 E dan 2.4 E<br>• Memahami konsep-konsep asas kawasan HCV dan hutan HCS |
| **4.1 MS A** | • Memasukkan gabungan HCV-HCS yang dipermudahkan ke dalam pelan latihan kumpulan, dengan latihannya seperti di bawah, dan memastikan pelaksanaan latihan<br>• Memimpin kumpulan melalui/dalam pelaksanaan gabungan HCV-HCS yang dipermudahkan untuk pekebun kecil bebas | • Menyertai latihan tentang HCV, pengurusan HCV-HCS<br>• Menyertai bengkel untuk mengenal pasti amalan-amalan berjaga-jaga, termasuk pelindungan kawasan HCV; kawasan pengurusan legeh, zon penampan riparian; spesies Jarang Ditemui, Terancam dan Hampir Pupus (RTE); koridor hidupan liar serta bagaimana untuk menangani konflik manusia-hidupan liar |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.1 Nilai Konservasi Tinggi (HCV) di atas plot pekebun kecil atau di dalam kawasan yang diuruskan, serta kawasan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang dikenal pasti selepas November 2019 menggunakan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dpermudahkan, diuruskan untuk memastikan ianya dikekalkan dan/atau diperbaiki** | | |
| **4.1 MS A** | • Melatih dan membangkitkan kesedaran di kalangan ahli-ahli kumpulan tentang prinsip pelindungan melalui amalan berjaga-jaga untuk penanaman baharu dan sedia ada<br>• Menyertai latihan dalam penggunaan aplikasi HCV-HCS dan/atau melatih ahli-ahli kumpulan tentang cara untuk menggunakannya | |
| **4.1 MS B** | • Memahami konsep-konsep asas konflik manusia-hidupan liar dan HCV<br>• Mengikuti latihan atau menunjukkan pengetahuan tentang HCV dan spesies Jarang Ditemui, Terancam dan Hampir Pupus (RTE)<br>• Rujukan: Dokumen Panduan RSPO tentang Peralatan yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil Bebas | • Menandakan sempadan HCV dan zon penampan riparian di ladang anda, berdasarkan pemetaan berpenglibatan dan menunjukkan bagaimana amalan-amalan berjaga-jaga yang dikenal pasti dilaksanakan<br>• Memahami konsep-konsep asas konflik manusia-hidupan liar dan HCV<br>• Mengikuti latihan atau menunjukkan pengetahuan tentang HCV dan spesies Jarang Ditemui, Terancam dan Hampir Pupus (RTE) |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.2 Di mana plot sedia ada pekebun kecil telah ditanam dan dibersihkan selepas November 2005 atau berada di dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan HCS selepas November 2019 sehingga tempoh kelayakan, sebuah proses RaCP yang bersesuaian untuk pekebun kecil berdasarkan Analisa Perubahan Guna Tanah (LUCA) akan digunakan (pendahuluan rujukan).** | | |
| **4.2 E** | • Mengumpulkan dan mencatatkan maklumat daripada ahli-ahli berkenaan penukaran/ tarikh mula penanaman kelapa sawit mereka. Sahkan di mana boleh<br>• Mengumpulkan dan mencatatkan maklumat tentang setiap plot di mana terdapat perubahan tanah selepas tahun 2005 dan menghimpunkan maklumat tersebut untuk semua ahli di dalam kumpulan | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Mengemukakan sejarah plot: landskap sebelum penukaran, tarikh mula pembersihan tanah untuk penanaman kelapa sawit |
| **4.2 MS A** | • Memasukkan proses berpenglibatan ke dalam pelan latihan kumpulan dan menyediakan latihan<br>• Menyokong pemahaman ahli-ahli kumpulan tentang kriteria ini dan menyelaraskan proses berpenglibatan, dengan mengikuti panduan yang disediakan oleh Sekretariat RSPO<br>• Memastikan proses FPIC dilaksanakan untuk pengenalpastian dan pengesahan tapak | • Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Menyokong dan menyertai pemetaan dengan kumpulan untuk mengenal pasti tapak-tapak untuk pemulihan<br>• Memastikan proses FPIC dilaksanakan untuk pengenalpastian dan pengesahan tapak |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.2 Di mana plot sedia ada pekebun kecil telah ditanam dan dibersihkan selepas November 2005 atau berada di dalam kawasan yang dikenal pasti sebagai hutan HCS selepas November 2019 sehingga tempoh kelayakan, sebuah proses RaCP yang bersesuaian untuk pekebun kecil berdasarkan Analisa Perubahan Guna Tanah (LUCA) akan digunakan (pendahuluan rujukan).** | | |
| **4.2 MS A** | • Menguruskan proses berpenglibatan untuk kumpulan bagi sepersetujuan berkenaan pemulihan di tapak dan pembangunan pelan<br>• Semua ahli-ahli mesti menyertai sepersetujuan berkenaan pemulihan di tapak<br>• Merujuk kepada prosedur RaCP di dalam laman web RSPO | |
| **4.2 MS B** | • Menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan pelan untuk pemulihan di tapak dengan kumpulan<br>• Menguruskan kerjasama dengan pakar-pakar luar dan pihak berkepentingan seperti yang diperlukan<br>• Merujuk kepada prosedur RaCP untuk pekebun kecil bebas di dalam laman web RSPO | • Menyokong pembangunan dan memastikan pelaksanaan pelan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Kriteria 4.3 Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan**<br>• **Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi**<br>• **Nasional)**<br>• **Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman** | | |
| **4.3 E** | • Memasukkan peningkatan kesedaran untuk memastikan ahli-ahli memahami bahawa tiada penukaran dibenarkan tanpa penilaian HCV/HCS<br>• Memasukkan pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Menyediakan latihan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli kumpulan tentang prosedur untuk penanaman baharu dan keperluan-keperluan untuk penukaran kepada kelapa sawit pada masa hadapan<br>• Mendaftarkan dan mengumpulkan data tentang plot-plot di mana ahli-ahli kumpulan bercadang untuk menanam kelapa sawit | • Menyertai dan melengkapkan latihan tentang penanaman baharu serta proses dan keperluan-keperluan untuk penukaran<br>• Menghentikan semua rancangan penukaran sehingga keperluan-keperluan dipenuhi<br>• Seperti di dalam 2.1 E, terutamanya di plot-plot untuk penukaran masa depan dan/atau plot-plot yang dirancang untuk pemerolehan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Kriteria 4.3 Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan**<br>• **Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional)**<br>• **Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman** | | |
| **4.3 E** | • Mengumpulkan sempadan-sempadan plot yang diperuntukkan untuk penanaman baharu dan melengkapkan soalan-soalan di aplikasi HCV-HCS untuk setiap plot<br>• Menggunakan panduan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan, melaporkan tentang, dan mencatatkan untuk setiap plot, tahap risiko, pelindungan yang bersesuaian, amalan-amalan pengurusan dan menentukan sama ada:<br>- HCV boleh diuruskan melalui pelaksanaan amalan-amalan berjaga-jaga, di mana risiko adalah rendah, atau<br>- Satu Skim Pelesenan Penilai (ALS) untuk penilaian HCV harus diwujudkan | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Kriteria 4.3 Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan**<br>• **Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional)**<br>• **Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman** | | |
| **4.3 E** | • Rujukan: Dokumen Panduan RSPO tentang Peralatan yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil Bebas | |
| **4.3 MS A** | • Membantu ahli kumpulan pekebun kecil dalam memahami kriteria ini dan menguruskan pembangunan pelan pengurusan bersepadu<br>• Memastikan proses FPIC dilaksanakan di kalangan ahli-ahli kumpulan dalam membangunkan pelan pengurusan bersepadu<br>• Memberikan latihan dan bimbingan kepada ahli-ahli kumpulan dalam pembangunan pelan pengurusan bersepadu untuk kawasan HCV dan hutan HCS<br>• Berhubung dengan RSPO untuk kelulusan pelan | • Membangunkan pelan pengurusan bersepadu melalui proses berpenglibatan seperti di dalam 2.5 MS B<br>• Memastikan proses FPIC dilaksanakan dalam membangunkan pelan pengurusan bersepadu |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan mempunyai rancangan untuk penanaman baharu kelapa sawit? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Kriteria 4.3 Penanaman baharu pekebun kecil bebas, sejak November 2019:**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana kawasan HCV**<br>• **Tidak menggantikan mana-mana hutan HCS seperti yang ditetapkan oleh gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan**<br>• **Tidak terletak di cerun curam (melebihi 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional)**<br>• **Tidak terletak di kawasan tanah gambut dengan sebarang kedalaman** | | |
| **4.3 MS A** | • Rujukan: Dokumen Panduan RSPO tentang Peralatan yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil Bebas | |
| **4.3 MS B** | • Membantu ahli-ahli dalam membangunkan pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk penanaman baharu<br>• Memastikan pelan pengurusan dikongsi dengan mereka yang terlibat dalam proses berpenglibatan untuk pengetahuan mereka | • Melaksanakan pelan pengurusan bersepadu yang diluluskan RSPO |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai plot sedia ada di kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Kriteria 4.4 Di mana plot pekebun kecil berada di kawasan tanah gambut, pemendapan dan penurunan paras tanah gambut dikurangkan dengan penggunaan amalan pengurusan terbaik** | | |
| **4.4 E** | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Mengumpulkan dan menyimpan maklumat tentang profil tanah ladang-ladang<br>• Memetakan plot-plot ladang agar boleh didapati secara umum dan/atau mengesahkan secara rasmi maklumat data tanah, dan mengesahkannya di tapak di mana boleh | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Memberikan maklumat tentang profil tanah (kehadiran tanah gambut, dll.) di semua plot sepertimana yang diketahui |
| **4.4 MS A** | • Memasukkan BMP bagi tanah gambut, risiko kebakaran dan pengurusan air ke dalam pelan latihan kumpulan serta memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Mendraf sebuah pelan dan prosedur untuk pengurusan ladang-ladang ahli kumpulan di tanah gambut serta memastikan sokongan dan komitmen semua ahli-ahli kumpulan untuk mengikuti pelan dan prosedur berkenaan | • Komited untuk melaksanakan dan mengawasi aktiviti-aktiviti menurut pelan pengurusan kumpulan<br>• Menyertai sebarang latihan yang diperlukan untuk pelaksanaan pelan tindakan berkenaan<br>• Melaksanakan dan mengikuti prosedur-prosedur dan pelan kumpulan untuk pengurusan tanah gambut |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai plot sedia ada di kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU** <br> **Kriteria 4.4 Di mana plot pekebun kecil berada di kawasan tanah gambut, pemendapan dan penurunan paras tanah gambut dikurangkan dengan penggunaan amalan pengurusan terbaik** | | |
| **4.4 MS A** | • Dalam membangunkan sebuah pelan kumpulan, GM boleh merujuk kepada:<br>- BMP Pekebun Kecil untuk Penanaman Sedia Ada di Tanah Gambut RSPO<br>• GM menguruskan latihan, kesedaran, sokongan dan/atau nasihat oleh pakar-pakar luar | |
| **4.4 MS B** | • Mengawasi amalan-amalan dan pelaksanaan pengurusan tanah gambut di ladang-ladang ahli kumpulan individu<br>• Membangunkan pelan tindakan dengan ahli-ahli kumpulan dan mengumpulkan data yang diperlukan untuk tujuan pengawasan<br>• Mengambil tindakan untuk memulihkan sebarang lencongan daripada pelan<br>• Melaksanakan pengurusan penyesuaian dan prosedur-prosedur pembetulan untuk menguruskan tindakan ke atas lencongan daripada pelan pengurusan | • Melaksanakan amalan-amalan terbaik di kawasan tanah gambut dan pelindungan tanah gambut, yang telah dipersetujui di dalam pelan tindakan<br>• Mengumpulkan dan mengemukakan data bagi tujuan pengawasan<br>• Menyokong tindakan-tindakan campur tangan seperti yang ditentukan oleh GM melalui pegurusan penyesuaian |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di dalam kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Penanaman semula bagi plot yang terletak di kawasan tanah gambut hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembanjiran atau penerobosan air masin seperti yang dibuktikan oleh penilaian risiko** | | |
| **4.5 E** | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Mengumpulkan dan menyimpan maklumat daripada ahli-ahli kumpulan tentang rancangan penanaman semula dan daripada ahli-ahli dengan penanaman di kawasan tanah gambut<br>• Memastikan semua ahli menyedari tentang keperluan-keperluan penanaman semula di kawasan tanah gambut<br>• Mengenal pasti kawasan-kawasan dengan tanah gambut di atas peta plot-plot ahli kumpulan dan mengesahkannya di tapak di mana boleh<br>• Memberikan kesedaran tentang keperluan-keperluan penanaman semula di kawasan tanah gambut kepada ahli-ahli kumpulan di saat mereka menyertai kumpulan | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Mengemukakan semua rancangan penanaman semula kepada GM<br>• Memahami keperluan-keperluan dan pembatasan yang berkaitan dengan penanaman semula di kawasan tanah gambut<br>• Menyokong pengesahan di tapak oleh GM untuk kehadiran tanah gambut |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di dalam kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU**<br>**Penanaman semula bagi plot yang terletak di kawasan tanah gambut hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembanjiran atau penerobosan air masin seperti yang dibuktikan oleh penilaian risiko** | | |
| **4.5 E** | • Menjelaskan tentang Deklarasi Pekebun Kecil kepada ahli-ahli kumpulan termasuk mengenai tandatangan/cap ibu jari<br>• Memastikan rekod-rekod Deklarasi Pekebun Kecil yang telah ditandatangani/diturunkan cap ibu jari dikekalkan | |
| **4.5 MS A**<br>**4.5 MS B** | • Memasukkan BMP bagi tanah gambut ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Seperti di dalam 4.2 E<br>• Memasukkan metodologi penilaian risiko ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya | • Seperti di dalam 4.2 E dan 4.5 E<br>• Menyertai dan melengkapkan latihan<br>• Menjalankan penilaian risiko seperti yang dilatih<br>• Bekerjasama dengan GM dan lain-lain pihak berkepentingan dan pihak berkuasa yang relevan untuk strategi pembangunan tanah alternatif, iaitu melalui proses berpenglibatan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
| --- | --- | --- |
| **Kriteria 4.5 Adakah mana-mana pekebun kecil di dalam kumpulan yang mempunyai rancangan penanaman semula bagi plot yang terletak di dalam kawasan tanah gambut? Jika tiada, LANGKAU** **Penanaman semula bagi plot yang terletak di kawasan tanah gambut hanya dilakukan di kawasan berisiko rendah dalam pembanjiran atau penerobosan air masin seperti yang dibuktikan oleh penilaian risiko** | | |
| **4.5 MS A**<br><br>**4.5 MS B** | • Menguruskan proses penilaian risiko untuk plot-plot di kawasan tanah gambut<br>• Menguruskan penglibatan pakar-pakar luar dan pihak berkepentingan untuk menyokong ahli-ahli yang perlu membangunkan strategi pembangunan tanah alternatif<br>• Menyokong atau melaksanakan latihan; menyokong ahli-ahli yang perlu membangunkan strategi pembangunan tanah alternatif<br>• Membangunkan pelan untuk strategi pembangunan tanah alternatif melalui proses berpenglibatan | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.6 Api tidak digunakan di plot kelapa sawit untuk tujuan menyediakan tanah atau mengawal perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan** | | |
| 4.6 E | • Memasukkan Tiada Api dan Tiada Pembakaran ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya<br>• Mengumpulkan dan menyimpan maklumat tentang amalan pembakaran oleh ahli-ahli sebelum memasuki peringkat kelayakan<br>• Menilai kelayakan dengan mengikuti panduan berkenaan bukti pembakaran<br>• Di mana boleh, menggunakan Global Forest Watch Fire Alerts (Amaran Kebakaran Pengawasan Hutan Global) untuk menilai dan mengawasi pematuhan, selain daripada lain-lain sistem pengawasan luar atau dalaman<br>• Membuat tindakan susulan apabila terdapat amaran berhampiran mana-mana plot ahli kumpulan untuk memastikan jika terdapat pelanggaran peraturan | • Komited kepada tiada pembakaran dan tidak menggunakan amalan pembakaran untuk tujuan pembersihan tanah, kawalan perosak atau pengurusan sisa. Memastikan pekerja-pekerja juga komited kepada perkara yang sama dan tidak mengamalkan pembakaran<br>• Memberikan maklumat kepada GM tentang sebarang amalan pembakaran semasa atau penggunaan api dan tujuannya<br>• Melaksanakan alternatif kepada penggunaan api seperti yang ditetapkan oleh GM |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.6 Api tidak digunakan di plot kelapa sawit untuk tujuan menyediakan tanah atau mengawal perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan** | | |
| **4.6 E** | • Mengemukakan alternatif kepada pembakaran untuk pelbagai tujuan, termasuk pembersihan tanah, sanitasi untuk mengawal perosak dan/atau pengurusan sisa | |
| **4.6 MS A**<br><br>**4.6 MS B** | • Memastikan ahli-ahli kumpulan menyedari tentang keperluan ini<br>• Memasukkan latihan yang diperlukan ke dalam pelan latihan kumpulan<br>• Menguruskan kelulusan dan berhubung dengan pihak berkuasa yang relevan untuk penggunaan api yang diperlukan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang dikenal pasti<br>• Menyokong ahli-ahli kumpulan:<br>- dalam memaklumkan tentang keperluan ini kepada pekerja-pekerja di ladang mereka | • Menyertai latihan atau lain-lain program tentang pencegahan pembakaran dan alternatif-alternatif pembakaran untuk penanaman baharu dan pengurusan sisa ladang<br>• Tidak mengamalkan pembakaran<br>• Melaporkan sebarang kes pembakaran yang mungkin terjadi di kawasan ladang anda kepada GM<br>• Melaksanakan tindakan pembetulan jika terdapat ketidakpatuhan<br>• Mendapatkan kelulusan untuk penggunaan api dalam keadaan-keadaan tertentu dengan GM |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.6 Api tidak digunakan di plot kelapa sawit untuk tujuan menyediakan tanah atau mengawal perosak, dan pembakaran terbuka tidak dilakukan untuk tujuan pengurusan sisa di ladang berkenaan** | | |
| **4.6 MS A**<br><br>**4.6 MS B** | - untuk mengenal pasti teknik alternatif bagi penyediaan tapak-tapak penanaman, terutamanya bagi penanaman semula di tapak-tapak yang mempunyai banyak perosak dan risiko penyakit yang tinggi<br>- dalam mengenal pasti dan melaksanakan kaedah-kaedah pengurusan sisa alternatif<br>• Menyiasat ketidakpatuhan dan mengaturkan tindakan pembetulan seperti yang diperlukan<br>• Di mana boleh, menggunakan Global Forest Watch Fire Alerts (Amaran Kebakaran Pengawasan Hutan Global) untuk menilai dan mengawasi pematuhan, selain daripada lain-lain sistem pengawasan luar atau dalaman | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.7 Zon penampan riparian dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau dipertingkatkan** | | |
| **4.7 E** | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Mengumpulkan maklumat daripada ahli-ahli tentang kehadiran laluan air di dalam dan di sekitar plot-plot mereka<br>• Menggunakan pendekatan tertentukur risiko untuk memeta plot-plot ahli ke atas landskap bagi mengenal pasti laluan air di dalam dan di sekitar plot-plot<br>• Memasukkan pengenalpastian serta amalan-amalan baik dan keperluan-keperluan berkenaan pengurusan zon penampan riparian ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya | • Seperti di dalam 2.1 E<br>• Memberikan maklumat tentang kehadiran laluan air di dalam dan di sekitar plot-plot |
| **Kriteria 4.7 Zon penampan riparian dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau dipertingkatkan** | | |
| **4.7 MS A**<br>**4.7 MS B** | • Menyelidik ketidakpatuhan dan melaksanakan tindakan pembetulan seperti yang diperlukan | • Memahami dan melaksanakan amalan-amalan baik berkenaan pelindungan zon-zon penampan riparian |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.7 Zon penampan riparian dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau dipertingkatkan** | | |
| **4.7 MS A**<br><br>**4.7 MS B** | • Menyokong ahli-ahli kumpulan dalam membangunkan pelan pengurusan ladang yang merangkumi:<br>- Prosedur-prosedur dan dasar kumpulan bagi pelindungan dan pengurusan zon penampan riparian<br>- Sokongan dan komitmen semua ahli kumpulan kepada dasar dan prosedur ini<br>- Latihan untuk ahli-ahli kumpulan dan pekerja-pekerja mereka seperti yang diperlukan untuk membolehkan pelaksanaan dasar dan prosedur ini<br>- Pengawasan pelaksanaan prosedur dan tindakan untuk memulihkan sebarang ketidakpatuhan<br>• Membangunkan dan melaksanakan pelan pengawasan untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan zon-zon penampan riparian | • Menyertai latihan dan memastikan penyertaan para pekerja<br>• Menggunakan amalan-amalan pengurusan menurut prosedur kumpulan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.8 Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar** | | |
| **Panduan Umum**<br>Prosedur-prosedur dan dasar kumpulan haruslah mengekalkan prinsip-prinsip berikut;<br>• Penggunaan pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) untuk meminimumkan sebarang penggunaan racun perosak<br>• Tiada penggunaan profilaktik racun perosak, melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu<br>• Penggunaan racun perosak hanya menurut label produk<br>• Penyediaan tempat simpanan yang selamat dan terkawal, serta mengawal pengeluaran racun perosak untuk kegunaan<br>• Pengendalian dan penggunaan racun perosak hanya oleh pekerja/individu yang telah melengkapkan latihan yang diperlukan<br>• Penyediaan dan penggunaan peralatan keselamatan dan penyemburan yang bersesuaian<br>• Tiada penggunaan racun perosak yang dikategorikan sebagai World Health Organization (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam, atau Parakuat melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang dikenal pasti garis panduan Amalan Terbaik nasional. Penggunaan racun perosak tersebut haruslah dikurangkan dan diketepikan sebagai sebahagian daripada rancangan dan hendaklah hanya digunakan dalam keadaan -keadaan tertentu<br>• Penghalangan penggunaan racun perosak oleh wanita-wanita yang mengandung dan menyusukan<br>• Penyediaan pemeriksaan perubatan untuk mana-mana pekebun kecil dan pekerja mereka yang sering mengendalikan racun perosak<br>• Mengumpulkan maklum balas daripada ladang-ladang individu dan kemudiannya menganalisis data-data yang terkumpul untuk memperbaiki prestasi | | |
| **4.8 E** | • Memasukkan keperluan-keperluan tentang penggunaan racun perosak ke dalam pelan latihan kumpulan dan memastikan pelaksanaan yang tepat pada waktunya | • Komited untuk berhenti menggunakan dan menghabiskan stok sedia ada parakuat dan lain-lain racun perosak yang diharamkan |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.8 Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar** | | |
| **4.8 E** | • Mengumpulkan dan menyimpan maklumat dan data tentang jenis racun perosak yang digunakan dan/atau dibeli oleh ahli-ahli kumpulan<br>• Menyenggara rekod-rekod pembelian dan penggunaan racun perosak<br>• Menguruskan pakar-pakar luar untuk latihan seperti yang diperlukan<br>• Memberikan cadangan tentang alternatif kepada racun perosak yang perlu dihentikan penggunaannya | • Menyertai latihan tentang BMP<br>• Menunjukkan pemahaman tentang racun perosak yang mana diharamkan penggunaannya<br>• Menghentikan pembelian baharu racun perosak yang diharamkan dan memastikan penghabisan stok-stok sedia ada<br>• Menyimpan rekod dan senarai racun perosak yang telah dibeli dan sedang digunakan<br>• Memaklumkan kepada para pekerja bahawa mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan parakuat dan lain-lain racun perosak yang diharamkan<br>• Mengawasi penggunaan racun perosak yang diharamkan oleh para pekerja dan melaporkan sebarang kes penggunaannya kepada GM |
| **4.8 MS A** | • Mengaturkan latihan untuk ahli-ahli kumpulan dan pekerja-pekerja mereka seperti yang diperlukan, dan memasukkan perihal pengendalian racun perosak dan prinsip-prinsip asas IPM ke dalam pelan latihan kumpulan<br>• Menguruskan atau menyediakan latihan untuk ahli-ahli kumpulan tentang Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) bagi penggunaan racun perosak | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.8 Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar** | | |
| **4.8 MS B** | • Menjalankan pemeriksaan berkala untuk memastikan ahli-ahli kumpulan melaksanakan amalan-amalan yang dipelajari semasa latihan<br>• Memasukkan sebuah dasar dan prosedur untuk pengurusan perosak, penyakit, rumpai dan spesies invasif ke dalam pelan pengurusan ladang<br>• Memastikan sokongan dan komitmen semua ahli kumpulan kepada dasar dan prosedur ini<br>• Menyenggara rekod-rekod bagi pihak kumpulan tentang semua racun perosak yang digunakan di ladang-ladang ahli kumpulan, termasuk: | • Melaksanakan prosedur dan dasar kumpulan<br>• Mengemukakan rekod-rekod berkenaan racun perosak yang digunakan dan juga maklumat berikut kepada GM:<br>- Sumber produk<br>- Tujuan penggunaan (iaitu rumpai dan perosak yang perlu dikawal)<br>- Kuantiti yang digunakan<br>- Tarikh digunakan<br>- Kaedah dan kadar penggunaan<br>- Kaedah pelupusan bekas racun perosak |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.8 Racun perosak tidak digunakan dengan cara yang membahayakan kesihatan pekerja, ahli keluarga, komuniti atau alam sekitar** | | |
| **4.8 MS B** | - Sumber produk<br>- Tujuan penggunaan (iaitu rumpai dan perosak yang perlu dikawal)<br>- Kuantiti yang digunakan<br>- Tarikh digunakan<br>- Kaedah dan kadar penggunaan<br>- Kaedah pelupusan bekas racun perosak<br>• Mengawasi pelaksanaan prosedur-prosedur dan mengambil tindakan untuk memulihkan sebarang ketidakpatuhan<br>• Memastikan pengurangan dan pengetepian racun perosak yang dikategorikan sebagai World Health Organization (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) Kelas 1A atau 1B, atau yang disenaraikan oleh Konvensyen Stockholm atau Konvensyen Rotterdam, atau Parakuat | |

| Indikator | Panduan untuk Pengurus Kumpulan | Panduan untuk Ahli Kumpulan |
|---|---|---|
| **Kriteria 4.9 Pekebun kecil menguruskan perosak, penyakit, rumpai dan spesies invasif yang diperkenalkan menggunakan teknik-teknik yang bersesuaian, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, teknik-teknik Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** | | |
| **4.9 MS A** | • Lihat 4.8 MS A | • Lihat 4.8 MS A |
| **4.9 MS A** | • Lihat 4.8 MS A | • Lihat 4.8 MS A |

Lampiran 1

# DEFINISI

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Buruh kanak-kanak** | Buruh kanak-kanak ialah kerja yang menafikan kanakkanak daripada zaman kanak-kanak mereka, potensi mereka dan maruah mereka, serta memudaratkan perkembangan fizikal dan mental mereka. Istilah tersebut merujuk kepada:<br>• semua kanak-kanak berusia bawah 18 tahun yang terlibat dalam sebarang "bentuk buruh kanakkanak yang paling teruk" (seperti yang dinyatakan di dalam Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa No. 182)<br>• semua kanak-kanak berusia bawah 12 tahun yang mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi; dan<br>• semua kanak-kanak berusia 12 hingga 14 tahun yang membuat lebih daripada kerja ringan<br>ILO mendefinisikan kerja ringan sebagai kerja yang tidak mungkin memudaratkan perkembangan atau kesihatan kanak-kanak dan tidak mungkin menjejaskan kedatangan mereka ke sekolah atau latihan vokasional.<br><br>Mereka yang berusia bawah 18 tahun tidak patut terlibat dalam kerja berbahaya yang mungkin membahayakan kesejahteraan fizikal, mental atau moral mereka, sama ada disebabkan oleh sifatnya atau keadaan di mana kerja tersebut dibuat. Bagi pekerja muda melebihi umur minimum yang dibenarkan tetapi bawah 18 tahun, harus ada had dalam masa bekerja dan kerja lebih masa; bekerja di ketinggian yang membahayakan; bekerja dengan jentera, kelengkapan dan peralatan yang berbahaya; bekerja dengan kenderaan bermuatan berat; pendedahan kepada bahan atau proses berbahaya; dan bekerja dalam keadaan yang sukar seperti bekerja di waktu malam. | P&C 2018<br><br>ILO Konvensyen Umur Minimum, 1973 (No.138) |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Ikatan Hutang** | Status atau syarat ikatan hutang apabila tenaga buruh mereka, atau tenaga buruh pihak ketiga di bawah seliaan mereka, diminta sebagai pembayaran balik pinjaman atau wang pendahuluan, dan nilai tenaga buruh mereka tidak diambil kira dalam pelupusan hutang tersebut atau tempoh perkhidmatan tidak terhad dan/atau jenis perkhidmatan tersebut tidak didefinisikan | P&C 2018 |
| **Diskriminasi** | Sebarang pembezaan, penyisihan atau pengutamaan berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, agama, pendapat politik, asal-usul kebangsaan atau asal-usul sosial, yang membentuk halangan dalam kesamarataan peluang atau layanan dalam penggajian atau pekerjaan | ILO, Konvensyen Diskriminasi (Penggajian dan Pekerjaan), 1958 (No. 111) |
| **Ladang Keluarga** | Ladang yang diusahakan, dan sebahagian besarnya dimiliki, oleh sebuah keluarga untuk tujuan penanaman kelapa sawit, kadang-kadang disertai dengan penghasilan tanaman sara diri yang lain, dan di mana keluarga tersebut membentuk sebahagian besar daripada tenaga buruh yang digunakan | |



**Lampiran 1**

## DEFINISI

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Buruh Paksa** | Semua kerja atau perkhidmatan yang dituntut daripada sesiapa sahaja di bawah ancaman sebarang hukuman dan yang mana individu tersebut tidak menawarkan diri secara sukarela. Definisi ini terdiri daripada tiga elemen:<br>1. Kerja atau perkhidmatan merujuk kepada semua jenis kerja yang dilakukan di dalam sebarang aktiviti, industri atau sektor termasuk di dalam ekonomi tidak formal<br>2. Ancaman sebarang hukuman merujuk kepada pelbagai jenis hukuman yang digunakan untuk memaksa seseorang bekerja<br>3. Ketidakrelaan: Istilah "menawarkan diri secara sukarela" merujuk kepada persetujuan bebas dan berpengetahuan pekerja untuk bekerja dan kebebasan mereka untuk berhenti pada bila-bila masa. Ini tidak terjadi, contohnya, apabila majikan atau perekrut membuat janji palsu supaya pekerja menerima pekerjaan yang mereka tidak akan terima jika sebaliknya. | P&C 2018<br>Definisi Buruh Paksa ILO<br>ILO, Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (No. 29)<br>ILO, Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (P029)<br>ILO, Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa, 1957 (No. 105)<br>ILO, Pengesyoran Buruh Paksa 2014 (No. 203) |
| **Tanah Rapuh** | Tanah yang mudah terdegradasi (pengurangan dalam kesuburan) apabila diusik. Tanah menjadi sangat rapuh jika degradasi tersebut dengan pantas mengakibatkan tahap kesuburan yang rendah dan tidak boleh diterima atau jika ianya tidak boleh dipulihkan menggunakan input pengurusan boleh laksana yang menjimatkan | P&C 2018 |
| **Pengurus Kumpulan** | Individu, kumpulan individu atau organisasi yang bertanggungjawab melaksanakan sistem kawalan dalaman dan menguruskan kumpulan berkenaan. Ini boleh terdiri daripada sebuah kilang, sebuah organisasi atau seorang individu. | |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Kerja berbahaya** | Kerja berbahaya ialah kerja yang dilakukan dalam keadaan berbahaya; atau "di dalam sektor dan pekerjaan yang paling berbahaya, seperti pertanian, atau di mana hubungan kerja atau keadaan kerja menghasilkan risiko tertentu, seperti bahan kimia atau radiasi, atau dalam ekonomi tidak formal." (https://www.ilo.org/safework/areasofwork/hazardouswork/lang--en/index.htm).<br><br>Kerja berbahaya juga ditakrifkan sebagai "sebarang kerja yang berkemungkinan membahayakan kesihatan fizikal, mental atau moral, serta keselamatan atau moral kanak-kanak" dan juga "tidak seharusnya dilakukan oleh sesiapa yang berumur bawah 18 tahun." (https://www.ilo.org/ipec/facts/WorstFormsofChildLabour/Hazardouschildlabour/lang--en/index.htm). | P&C 2018<br><br>Artikel 3 (d) Konvensyen ILO berkenaan Larangan dan Tindakan Segera untuk Penghapusan Bentuk Buruh Kanakkanak yang Paling Teruk, 1999 (No. 182) |
| **Hutan Stok Karbon Tinggi (HCS)** | Hutan-hutan yang telah dikenal pasti menggunakan set peralatan Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA) | Laman web HCSA www.highcarbonstock.org |
| **Kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV)** | Kawasan-kawasan yang diperlukan untuk mengekalkan atau memperbaiki satu atau lebih Nilai Konservasi Tinggi (HCVs):<br><br>HCV 1 – Kepelbagaian spesies; penumpuan kepelbagaian biologi termasuk spesies endemik, dan spesies jarang ditemui, terancam dan hampir pupus (RTE), yang penting di peringkat global, wilayah atau kebangsaan. | Rangkaian Sumber Nilai Konservasi Tinggi (HCVRN) Panduan Umum untuk Pengenalpastian HCVs 2017 |

Lampiran 1

## DEFINISI

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Kawasan Nilai Konservasi Tinggi (HCV)** | HCV 2 – Ekosistem peringkat landskap, mozek ekosistem dan Landskap Hutan Utuh (IFL); ekosistem peringkat landskap yang besar, mozek ekosistem dan IFL yang penting di peringkat global, wilayah atau kebangsaan, yang mengandungi populasi berdaya hidup sebahagian besar daripada spesies yang wujud secara semula jadi dalam pola taburan dan kelimpahan yang semula jadi.<br><br>HCV 3 – Ekosistem dan habitat; ekosistem, habitat atau refugia RTE.<br><br>HCV 4 – Perkhidmatan ekosistem; perkhidmatan ekosistem asas dalam situasi kritikal, termasuk perlindungan kawasan tadahan air serta pengawalan hakisan tanah dan cerun rentan.<br><br>HCV 5 – Keperluan komuniti; tapak-tapak dan sumber-sumber asasi untuk memenuhi keperluan asas komuniti tempatan atau orang asli (dari segi sara hidup, kesihatan, nutrisi, air, dll.), yang dikenalpasti melalui keterlibatan dengan komuniti atau orang asli berkenaan.<br><br>HCV 6 – Nilai kebudayaan; tapak-tapak, sumbersumber, habitat dan landskap yang mempunyai kepentingan dari segi kebudayaan global atau kebangsaan, arkeologi atau sejarah, dan/atau mempunyai kepentingan kritikal dari segi kebudayaan, ekologi, ekonomi atau mempunyai kepentingan dari segi keagamaan/kesucian dalam budaya tradisional komuniti tempatan atau orang asli, yang dikenalpasti melalui keterlibatan dengan komuniti atau orang asli berkenaan. | Rangkaian Sumber Nilai Konservasi Tinggi (HCVRN) Panduan Umum untuk Pengenal pastian HCVs 2017 |

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Masyarakat Orang Asli** | Masyarakat orang asli ialah pewaris dan pengamal budaya dan cara yang unik yang berhubung kait dengan manusia dan alam sekitar. Mereka mengekalkan ciri-ciri sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik yang berlainan daripada masyarakat dominan di mana mereka menetap. Meskipun berbeza dari segi budaya, masyarakat orang asli di seluruh dunia berkongsi masalah yang sama berkenaan perlindungan hak mereka sebagai masyarakat pribumi.<br><br>Masyarakat orang asli telah cuba untuk mendapatkan pengiktirafan ke atas identiti mereka, cara hidup mereka dan hak mereka ke atas sumber asli, kawasan dan tanah tradisi mereka selama bertahun-tahun, namun sepanjang sejarah, hakhak mereka telah dinodai berulang kali. Masyarakat orang asli hari ini merupakan antara golongan yang paling tertinggal dan tertindas di dunia. Komuniti antarabangsa sekarang mengakui bahawa langkah-langkah khas diperlukan untuk melindungi hak mereka serta mengekalkan budaya dan cara hidup mereka yang unik. | P&C 2018<br><br>UNDESA, Bahagian untuk Pembangunan Sosial Menyeluruh, Masyarakat Orang Asli |
| **Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)** | IPM merupakan pertimbangan ke atas semua teknik kawalan perosak yang tersedia dan penyepaduan langkah-langkah berpatutan yang berikutnya yang mencegah pembiakan populasi perosak serta mengekalkan penggunaan racun perosak dan lain-lain pengantaraan di tahap yang wajar dari segi ekonomi, dan juga mengurangkan dan meminimumkan risiko kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. IPM menekankan pertumbuhan tanaman yang sihat dengan gangguan yang paling sedikit ke atas agroekosistem dan menggalakkan mekanisme kawalan perosak semula jadi. | P&C 2018<br><br>FAO 2013<br><br>http://www.fao. org/ agriculture/crops/ thematic-sitemap/ theme/pests/ipm/en/ |

Lampiran 1

## DEFINISI

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Sistem Kawalan Dalaman (ICS)** | Satu set peraturan, polisi, dan prosedur yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi untuk memberikan hala tuju, meningkatkan kecekapan dan mengukuhkan kepatuhan kepada polisi dalam menguruskan sesebuah kumpulan. | Kumpulan Interim Pekebun Kecil (SHIG) |
| **Penanaman Baharu** | Penanaman yang dirancang atau dicadangkan di tanah yang belum pernah ditanam dengan kelapa sawit. | Prosedur Penanaman Baharu 2015 |
| **Tanah Gambut** | Tanah dengan lapisan organik kumulatif yang mana lebih daripada separuh daripada 80 sentimeter atau 100 sentimeter lapisan atas permukaan tanah mengandungi 35% atau lebih bahan organik (35% atau lebih kehilangan semasa penyalaan) atau 18% atau lebih karbon organik. Sila maklum bahawa untuk pengurusan ladang tersedia di Malaysia dan Indonesia, definisi yang lebih khusus digunakan, berdasarkan peraturan negara: iaitu tanah dengan lapisan organik yang mana lebih daripada 50% daripada 100 sentimeter lapisan atas mengandungi lebih daripada 65% bahan organik. | P&C 2018<br>PLWG2 Julai 2018<br>Diambil daripada definisi FAO dan USDA untuk Histosol (tanah organik) (FAO 1998, 2006/7; USDA 2014) |
| **Racun Perosak** | Bahan-bahan atau campuran bahan-bahan bagi tujuan mengelakkan, memusnahkan, menangkis atau mengurangkan sebarang perosak. Racun perosak dikategorikan kepada empat bahan kimia pengganti utama: racun herba; racun kulat; racun serangga dan racun bakteria. | P&C 2018 |
| **Spesies Jarang Ditemui, Terancam dan Hampir Pupus (RTE)** | Spesies seperti yang didefinisikan oleh Rangkaian Sumber Nilai Konservasi Tinggi (HCVRN). | HCVRN Panduan Umum bagi Pengenalpastian HCV |
| **SHIG** | Kumpulan Interim Pekebun Kecil ialah kumpulan yang ditubuhkan untuk menyokong RSPO dalam melaksanakan Objektif 2 Strategi Pekebun Kecil RSPO dan ditugaskan untuk membangunkan sebuah pendekatan pensijilan yang dipermudahkan untuk pekebun kecil | |

| Istilah | Definisi | | Sumber |
|---|---|---|---|
| **Pekebun Kecil** | **Pekebun Kecil Bebas** | Semua pekebun kecil yang tidak dianggap sebagai Pekebun Kecil Skim [lihat definisi untuk Pekebun Kecil Skim di bawah] adalah disifatkan sebagai Pekebun Kecil Bebas. | SHIG |
| | **Pekebun Kecil Skim** | Pekebun kecil, pemilik ladang atau wakil mereka yang tidak mempunyai:<br>• kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan berkenaan pengurusan ladang dan amalan pengeluaran; dan/atau<br>• kebebasan untuk menentukan bagaimana ladang tersebut digunakan, jenis tanaman yang ditanam, dan bagaimana untuk menguruskannya (cara mereka mengatur, mengurus dan membiayai ladang tersebut). | SHIG |
| **Ladang pekebun kecil** | Individu atau ahli keluarga (luas) yang menanam kelapa sawit di plot individu atau berbilang pekebun kecil, di bawah ambang semasa yang ditetapkan oleh RSPO untuk pekebun kecil. | | SHIG |
| **Plot pekebun kecil** | Tanah yang dimiliki oleh seorang pekebun kecil yang ditanam dengan kelapa sawit atau diperuntukkan untuk tanaman baharu atau penanaman semula kelapa sawit. | | SHIG |
| **Cerun Curam** | Kawasan dengan kecerunan melebihi 25 darjah atau berdasarkan proses Interpretasi Nasional. | | P&C 2018 Lampiran 1<br>Interpretasi Nasional |

## DEFINISI

| Istilah | Definisi | Sumber |
|---|---|---|
| **Unit Pensijilan untuk Standard ISH** | Entiti yang menandatangani perjanjian pensijilan dan memegang pensijilan RSPO. Entiti tersebut bertanggungjawab ke atas pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan dalaman kumpulan terbabit dan kesemua sistem pengurusan ladang ahli-ahli. Pengurusan kumpulan tersebut menjamin pematuhan ladang ahli-ahli dengan Standard. | SHIG |
| **Kumpulan Rentan** | Sebarang kumpulan atau sektor masyarakat yang berisiko tinggi untuk mengalami penyisihan sosial, amalan berdiskriminasi, keganasan, bencana alam atau persekitaran, atau kesukaran ekonomi berbanding kumpulan yang lain, seperti masyarakat orang asli, minoriti etnik, pendatang, golongan kurang upaya, gelandangan, warga emas terpinggir, wanita dan kanak-kanak. | P&C 2018 |
| **Pekerja** | Lelaki dan wanita, pendatang, penyinggah, pekerja kontrak, pekerja sambilan dan pekerja daripada semua peringkat organisasi, di ladang dan di ICS, yang bukan merupakan ahli keluarga, di mana keluarga didefinisikan sebagai satu isi rumah. | SHIG |
| **Pekerja muda** | Pekerja muda yang berusia 15 tahun, atau di atas umur bekerja minimum tetapi di bawah 18 tahun. Menurut ILO, “pekerja berkenaan disifatkan sebagai ‘kanak-kanak’ meskipun di mana mereka bekerja secara sah.” | P&C 2018<br><br>Konvensyen Umur Minimum ILO, 1973 (no. 138) |
| **2018 P&C** | Merujuk kepada Prinsip dan Kriteria RSPO sedia ada untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari (2018) yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung pada tahun 2018. | |

Lampiran 2

# DEKLARASI PEKEBUN KECIL

**Dengan menandatangani Deklarasi Pekebun Kecil ini, saya menyatakan bahawa:**

**A. Saya mengakui akan kepentingan pengeluaran lestari.**

**B. Saya akan menyertai kumpulan pekebun kecil untuk mendapatkan pensijilan kumpulan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO dan mematuhi prinsip serta kriteria dan indikator yang berkaitan.**

**C. Saya akan memberikan maklumat berikut kepada pengurus saya dan kumpulan:**

1. Kesemua pemilikan tanah
2. Lokasi (koordinat) kesemua plot yang ditanam dengan kelapa sawit
3. Maklumat tentang kesemua plot yang diubah dan ditanam dengan kelapa sawit selepas 2005 (melalui penggunaan gabungan pendekatan HCV-HCS yang dipermudahkan untuk Pekebun Kecil))
4. Sebarang plot yang terletak di kawasan cerun curam
5. Sebarang plot yang terletak di kawasan tanah gambut
6. Butiran tentang rancangan penanaman semula dan peluasan kawasan kelapa sawit
7. Sebarang pertikaian tanah sedia ada
8. Status pemilikan dan penggunaan tanah
9. Sumber pekerja ladang

**D. Saya berikrar untuk melaksanakan yang berikut:**

1. Terus menunjukkan kemajuan menurut standard dan memenuhi 'milestone' (penanda perkembangan) kemajuan yang diperlukan
2. Menyertai latihan seperti yang diperlukan dan turut serta secara aktif dalam kumpulan
3. Memastikan tiada buruh paksa dalam pengendalian ladang dan menamatkan sebarang buruh paksa sedia ada.
4. Membayar gaji minimum di peringkat negara
5. Menghormati hak pekerja untuk membuat aduan
6. Menyediakan kemudahan dan keadaan kerja yang selamat
7. Tiada diskriminasi, gangguan atau penganiayaan di ladang
8. Memastikan tiada buruh kanak-kanak dalam pengendalian ladang dan menamatkan sebarang buruh kanak-kanak sedia ada

## DEKLARASI PEKEBUN KECIL

9. Tidak membersihkan atau memperolehi sebarang tanah daripada masyarakat orang asli, komuniti tempatan atau pengguna yang lain tanpa persetujuan bebas, terdahulu dan berpengetahuan (FPIC) daripada mereka, berdasarkan pendekatan FPIC yang dipermudahkan
10. Menyelesaikan sebarang pertikaian sedia ada
11. Tiada penanaman baharu atau peluasan ladang sedia ada di kawasan hutan primer, HCV, HCS, riparian atau cerun curam (lebih daripada 25 darjah atau seperti di dalam Interpretasi Nasional)
12. Melindungi kawasan HCV dan hutan HCS melalui pendekatan amalan berjaga-jaga
13. Tiada tanaman baharu di kawasan tanah gambut dan penanaman semula di tanah gambut hanya dilakukan di kawasan yang mempunyai risiko pembanjiran dan penerobosan air masin yang rendah
14. Penggunaan amalan pengurusan terbaik untuk kelapa sawit di tanah gambut
15. Tiada pembakaran dalam penyediaan tanah atau kawalan perosak
16. Meminimumkan dan mengawal hakisan

### Faedah Pekebun Kecil

Dengan menggunakan amalan pertanian lestari dan mematuhi Standard ISH RSPO, saya memahami yang saya akan mempunyai:

Pengetahuan tentang bagaimana untuk mengoptimumkan produktiviti dan hasil pengeluaran dengan melaksanakan amalan pertanian yang baik dan mampan yang saya telah dilatih tentang;

Pengetahuan tentang bagaimana untuk berdagang dan menyertai pasaran minyak sawit lestari serta menguruskan ladang saya secara profesional dan menjadi mapan dari segi kewangan;

Struktur dan juga agensi yang membolehkan langkah-langkah perlu ke arah punca pendapatan yang mampan untuk keluarga saya dan komuniti saya.

Saya mengakui bahawa saya akan mempunyai akses kepada sokongan teknikal dan sokongan kewangan serta akses kepada perdagangan dalam pasaran untuk minyak sawit lestari yang ditawarkan oleh RSPO dan ahli-ahlinya, untuk membolehkan saya merealisasikan faedah amalan pertanian yang mampan.

RSPO ialah sebuah organisasi bukan untung antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2004 dengan objektif untuk menggalakkan pertumbuhan dan penggunaan hasil pengeluaran minyak sawit lestari melalui standard global yang boleh dipercayai dan penglibatan pihak berkepentingan.


**Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari**

Sekretariat Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari
Kuala Lumpur, Malaysia
rspo@rspo.org | www.rspo.org

**Pejabat Lain:**

Jakarta, Indonesia | London, United Kingdom | Beijing, China | Bogota, Colombia | New York, USA | Zoetermeer, Netherlands